# BENTUK-BENTUK KRITIKAN DALAM KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE TIMUR: KAJIAN BERDASARKAN PANDANGAN *MALAY CENTRIC*.

**NURUL ATHIFAH BINTI RAMLI**
**C18A0348**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**2022**

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BENTUK-BENTUK KRITIKAN DALAM KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE TIMUR: KAJIAN BERDASARKAN PANDANGAN *MALAY CENTRIC.*

**NURUL ATHIFAH BINTI RAMLI**
**C18A0348**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN (KESUSASTERAAN WARISAN) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**BACHOK**

**2022**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

| | | |
|---|---|---|
| √ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| √ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* |
| √ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) * |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

Disahkan oleh

AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI
PENSYARAH
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Nama Pelajar: Nurul Athifah Binti Ramli | Nama: Afidatul Syazwani Binti Afandi |
| Tarikh: 22 Februari 2022 | Tarikh: 26 Febuari 2022 |

Catatan: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat dari organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Afidatul Syazwani Binti Afandi, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (secara amnya) dan Universiti Malaysia Kelantan (secara khususnya) kerana telah membuka peluang untuk saya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Terima kasih juga kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan kerana telah memberi sokongan penuh semasa penyelidikan ini dilaksanakan dan memudahkan proses untuk mendapatkan data.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati Ramli Bin Mustapa dan Hasnah Binti Hassan yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## SENARAI KANDUNGAN


| Bil. | Tajuk | Halaman |
|---|---|---|
| | Pengesahan Tesis | i |
| | Penghargaan | ii |
| | Senarai Kandungan | iii |
| | Senarai Rajah | v |
| | Senarai Jadual | vi |
| | Abstrak | vii |
| | Abstract | viii |
| | **Bab 1: Pendahuluan** | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 6 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 9 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 11 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 12 |
| 1.6 | Skop dan Batasan Kajian | 13 |
| 1.7 | Kepentigan Kajian | 14 |
| 1.7.1 | Kepentingan Kepada Individu | 14 |
| 1.7.2 | Kepentingan Kepada Masyarakat | 14 |
| 1.7.3 | Kepentingan Kepada Negara | 15 |
| 1.7.4 | Kepentingan Kepada Institusi | 15 |
| 1.8 | Kesimpulan | 16 |
| | **Bab 2: Tinjauan Literatur** | |
| 2.1 | Pengenalan | 18 |
| 2.2 | Tinjauan Literatur Kepengarangan | 19 |
| 2.3 | Tinjauan Literatur Kritikan | 24 |
| 2.4 | Tinjauan Literatur Hikayat Pelayaran Abdullah Ke Timur | 29 |
| 2.5 | Tinjauan Literatur Abdullah Munsyi | 32 |
| 2.6 | Tinjauan Literatur Teori Pascakolonial | 37 |
| 2.7 | Kesimpulan | 42 |

## Bab 3: Metodologi Kajian


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 43 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 43 |
| 3.3 | Proses Pengumpulan Data | 44 |
| | 3.3.1 Kepustakaan | 45 |
| | 3.3.2 Tinjauan Soal Selidik | 45 |
| 3.4 | Kaedah Analisis Data | 46 |
| | 3.4.1 Dokumen | 46 |
| | 3.4.2 Tekstual | 47 |
| | 3.4.3 Teoritikal | 47 |
| 3.5 | Teori Pascakolonial | 48 |
| 3.6 | Kesimpulan | 53 |


## Bab 4: Analisis Dan Dapatan Kajian


| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Pengenalan | 54 |
| 4.2 | Bentuk-Bentuk Kritikan Dalam Teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur | 54 |
| | 4.2.1 Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Perihal Sosiopolitik | 55 |
| | 4.2.2 Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Perihal Sosioekonomi | 57 |
| 4.3 | Kepengarangan Abdullah Munsyi Terhadap Masyarakat Melayu | 61 |
| | 4.3.1 Pengaruh Kolonial Dalam Kepengarangan Abdullah Munsyi | 61 |
| | 4.3.2 Kepengarangan Abdullah Munsyi Mengkritik Masyarakat Melayu | 63 |
| | 4.3.2.1 Aspek Sosial | 64 |
| | 4.3.2.2 Aspek Politik | 65 |
| | 4.3.2.3 Aspek Ekonomi | 66 |
| 4.4 | Kepentingan Kritikan Sebagai Sandaran Terhadap Kemajuan Pemodenan Masyarakat Melayu | 68 |
| 4.5 | Kesimpulan | 81 |


## Bab 5: Kesimpulan


| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Pengenalan | 82 |
| 5.2 | Kesimpulan Dan Rumusan Kajian | 82 |
| 5.3 | Implikasi Kajian | 86 |
| 5.4 | Cadangan | 88 |

5.6 Kesimpulan 89

Rujukan 90

Lampiran 95

Appendiks C 103


## SENARAI RAJAH


| | Kandungan | Halaman |
|---|---|---|
| Rajah 3.1 | Kerangka Metodologi | 51 |
| Rajah 3.2 | Kerangka Kajian | 52 |
| Rajah 4.1 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu | 69 |
| Rajah 4.2 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang | 70 |
| Rajah 4.3 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden | 71 |
| Rajah 4.4 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu | 72 |
| Rajah 4.5 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya | 73 |
| Rajah 4.6 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang | 74 |
| Rajah 4.7 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu. | 75 |
| Rajah 4.8 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang | 76 |
| Rajah 4.9 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu | 77 |
| Rajah 4.10 | Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang | 78 |




FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# SENARAI JADUAL


| | Kandungan | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 4.1 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu | 69 |
| Jadual 4.2 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang | 70 |
| Jadual 4.3 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden | 71 |
| Jadual 4.4 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu | 72 |
| Jadual 4.5 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya | 73 |
| Jadual 4.6 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang | 74 |
| Jadual 4.7 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu. | 75 |
| Jadual 4.8 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang | 76 |
| Jadual 4.9 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu | 77 |
| Jadual 4.10 | Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang | 78 |
| Jadual 4.11 | Ringkasan Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kepentingan Kritikan Sebagai Sandaran Kemajuan Dan Pemodenan Masyarakat Melayu | 79 |


FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**ABSTRAK**

Kajian dilakukan adalah berkaitan dengan Bentuk-Bentuk Kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur: Kajian Berdasarkan Pandangan *Malay Centric*. Kepengarangan Abdullah Munsyi yang dikatakan bersifat terbuka dalam mengkritik dan menegur institusi beraja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu pada masa itu. Kajian akan memberikan tumpuan terhadap sudut kepengarangan Abdullah Munsyi yang menjadi subjek kritikan, kerana memiliki keistimewaan dan kehebatan dalam dunia kepengarangan. Kajian dilakukan untuk menganalisis bentuk-bentuk kritikan yang terdapat dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur dan mengenal pasti kepengarangan Abdullah Munsyi dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu serta mengetahui kepentingan kritikan sebagai sandaran terhadap kemajuan pemodenan masyarakat Melayu. Kajian menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif dan kualitatif, proses pengumpulan data secara kepustakaan dan kaedah analisis data dalam bentuk analisis dokumen, tekstual dan teoritikal. Bagi melengkapkan kajian pendekatan teori Pacakolonial digunakan untuk mengukuhkan penyelidikan. Dapatan kajian mendapati kepengarangan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdulllah ke Timur mengkritik secara halus adalah untuk pembangunan kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu. Abdullah Munsyi merupakan pengarang yang berani, jujur dan berhikmah dalam menzahirkan perasaan, pandangan dan kritikanya terhadap sesuatu perkara yang diamatinya, dilaluinya dan dirasainya secara jujur dan berani.

Kata Kunci: Kritikan, Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur, Abdullah Munsyi, *Malay Centric*, Pascakolonial

FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FTKW

## *ABSTRACT*

*The study is related to the Forms of Criticism in the Story of Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur: A Study Based on Malay Centric Perspectives. Abdullah Munsyi's authorship is said to be open in criticizing and criticizing the monarchy and the behavior of the Malay community at that time. The study will focus on the angle of Abdullah Munsyi's authorship which is the subject of criticism, because it has a privilege and greatness in the world of authorship. The study was conducted to analyze the forms of criticism found in the Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur and identify Abdullah Munsyi's authorship in criticizing the Malay community as well as knowing the importance of criticism as a support for the progress of modernization of the Malay community. The study uses descriptive and qualitative research methods, library data collection process and data analysis methods in the form of document analysis, textual and theoretical. To complete the study Pacacolonial theory approach was used to strengthen the research. The findings of the study found that Abdullah Munsyi's authorship in Kisah Pelayaran Abdulllah Ke Timur criticized subtly was for the development of the Malay community at that time. Abdullah Munsyi is a brave, honest and wise author in expressing his feelings, views and criticisms on something that he observed, went through and felt honestly and bravely.*

*Keywords: Criticism, Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur, Abdullah Munsyi, Malay Centric, Postcolonial*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Hashim Awang (1997) ada menyatakan bahawa kritikan dalam bidang kesusasteraan adalah sebuah usaha untuk menilai hasil-hasil ciptaan seorang sasterawan atau penulis sastera secara beralas dan berlapik serta bersistem dan bertujuan untuk perkembangan sesuatu pemikiran yang lebih baik dan indah untuk dibahaskan. Kritikan sastera merupakan satu bidang ilmu untuk tujuan penilaian sebuah teks sastera yang dilakukan secara berobjektif dan efektif.

Kritikan sastera dilakukan dengan tujuan untuk membuat satu penilaian, pertimbangan dan penganalisisan dengan menggunakan sebuah teks atau karya sastera melalui proses pembacaan, pengamatan dan perbandingan menggunakan teori atau sebuah pendekatan. Kerja-kerja kritikan sastera di Malaysia telahpun melalui beberapa tahap perkembangan yang penting iaitu tahap sebelum Perang Dunia II, tahap sebelum kemerdekaan, zaman kemerdekaan, zaman modenisme, dan zaman pascamodenisme. Pada tahap awal kemunculan bidang kritikan sastera mula bertapak ianya adalah untuk membentuk sebuah tradisi secara bersama dengan perkembangan penulisan cerpen yang berkembang dengan pesat ketika itu melalui akhbar dan majalah. Budaya dalam bidang kritikan sastera Melayu di Malaysia dapat dikatakan bermula sejak tahun 1950-an.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

*Malay Centric* membawa maksud berpusatkan Melayu. Pada umumnya, *centric* (sentrik) adalah salah satu pandangan dan pendekatan yang digunapakai dan memberi tumpuan kepada sesuatu perkara. Dalam erti kata lain, sentrik merupakan satu unsur yang digunakan sebagai tema utama dalam sebuah penulisan dan dikatakan sebagai bersentrik (berpusatkan). Oleh hal yang demikian, penulisan dalam kajian ini memberi penekanan kepada pandangan *Malay Centric* (berpusatkan Melayu). Dengan itu, sebuah penelitian dilakukan terhadap bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur: kajian berdasarkan pandangan *Malay Centric* akan dihasilkan dengan memberi penumpuan kepada pandangan *Malay Centric* (berpusatkan Melayu). Pengumpulan maklumat dari sudut pandangan *Malay Centric* terhadap kepengarangan Abdullah Munsyi tentang mesej dan tujuan penciptaan Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur merangkumi lingkungan kehidupannya, keadaan persekitaran, pengaruh dan ilmu sastera yang dimiliki dalam penghasilan karya tersebut dan sejarah berkaitan dengan masyarakat pantai timur yang terbuku didalamnya.

Konsep Malaysia-sentrik atau *Malay Centric* dalam penulisan dapat disimpulkan sebagai sesuatu penulisan mengenai pensejarahan Malaysia yang dihasilkan mengikut sudut pandangan penulis-penulis tempatan. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa (2016) menyatakan bahawa penulis Malaysia-sentrik menggunakan sumber tempatan dan ditafsir menerusi sudut pandangan daripada penulis tempatan dengan memberi tumpuan terhadap perlakuan daripada masyarakat tempatan berdasarkan kepada fakta-fakta tempatan yang diperoleh. Oleh hal yang demikian, pendekatan Malaysia-sentrik lebih menonjolkan kesedaran mengenai sistem sosial dan kemasyarakatan dalam kalangan penulis-penulis tempatan melalui penulisan yang dihasilkan. Malah, penulisan yang berpusatkan Melayu (Malay Centric) dilihat telah keluar daripada skop di dalam istana sahaja dan mula memfokuskan kepada aspek sosial dan kemasyarakatan.



FTKW

Hal ini dapat dibuktikan melalui sebuah buku yang dihasilkan oleh Ibrahim Yaakob beliau merupakan seorang tokoh penulis Pensejarahan Malaysia bersifat Malaysia-sentrik pada ketika itu. Menerus buku beliau yang berjudul *Melihat Tanah Air* beliau telah berjaya mengangkat konsep Melayu Raya. Beliau juga dengan beraninya melontarkan kritikan dengan jelas terhadap golongan elit Melayu yang enggan mengikut arus perkembangan dengan tidak menghiraukan perasaan masyarakat Melayu pada ketika itu. Rentetan daripada itu, penulisan ini akan melihat sudut kepengarangan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdulllah ke Timur yang juga mengkritik secara halus institusi beraja dan masyarakat Melayu berdasarkan pandangan daripada *Malay Centric*.

Kelebihan seorang pengarang akan dilihat menerusi buah fikiran baharu yang berani dibawa oleh pengarang dalam penulisannya, juga teknik dalam penulisan yang baharu, cara beliau membina dan mengolah idea secara tersendiri dan mempunyai satu bentuk perubahan yang akan menjadikannya luar biasa pada pandangan khalayak (Abdul Halim Ali, 2015). Kehandalan pengarang dalam bidang kepengarangannya secara jelasnya dilihat melalui diri pengarang itu sendiri apabila beliau mempunyai kriteria yang baik dalam bidang ilmu yang dimilikinya seperti keintelektual, bersemangat menghakis bakat yang dimiliki dan berkebolehan dalam semua bidang ilmu. Malah, pengarang yang unggul juga dapat membentangkan pelbagai aspek dalam pelbagai bidang ilmu bersama-sama buah fikiran dan takrifan serta pandangan yang baharu sehingga beliau dapat mencapai tahap yang agung. Keunggulan kepengarangan dilihat pada pengarang yang dengan jayanya memperkenalkan keaslian, keintelektualan dan kebolehan berfikir secara kreatif dan inovatif malah beliau juga mampu menampilkan sebuah gambaran atau identitinya yang tersendiri melalui setiap karya yang dihasilkan.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kepengarangan Abdullah Munsyi yang memberi sumbangan besar dalam dunia kesusasteraan tanah air khasnya genre autobiografi atau catatan perihal kehidupan. Beliau begitu bijak dalam menyuburkan kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu ketika itu mengikut pengalaman pelayaran beliau. Karya Kisah Pelayaran Abdullah merupakan sebuah karya agung yang seringkali diangkat dan disebut-sebut. Cara Abdullah Munsyi menulis menggunakan kaedah biografi iaitu catatan daripada pengalaman yang dirasai, dilalui dan diamati beliau. Beliau juga memasukkan fakta-fakta berkenaan sejarah yang penting dalam kepengarangan beliau. Kebijaksanaan Abdullah memterjemahkan keinginan dalaman dan emosinya ke dalam teks Kisah Pelayaran Abdullah untuk diamati oleh khalayak. Pelbagai buah fikiran, pesanan dan teguran serta nasihat cuba disampaikan oleh Abdullah kepada semua lapisan masyarakat ketika itu. Mesej yang disampaikan oleh Abdullah ketika itu bukan sahaja mempunyai pertalian antara pemikiran beliau yang bawah sedar atau separa sedar namun, ianya juga telah dipengaruhi oleh kehendak dan perasaan yang hadir secara separa sedar beliau dalam menyampaikan kritikan yang tajam terhadap institusi raja Melayu dan masyarakat Melayu.

Karya Kisah Pelayaran Abdullah merupakan salah satu karya yang sangat berharga dan bermakna bagi Abdullah Munsyi. Kisah Pelayaran Abdullah merupakan sebuah karya yang terkandung pelbagai catatan peribadi berkaitan dengan sesuatu keadaan dan kejadian yang berlaku ditempat-tempat yang telah dilawati semasa perjalanan Abdullah ketika dalam rangka perjalanannya ke negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sekitar tahun 1838. Abdullah Munsyi telah membuat catatan dan analisis tentang keadaan semasa kehidupan masyarakat Melayu di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Abdullah telah mengemukakan sebuah rangkuman kehidupan masyarakat Melayu dan juga raja Melayu yang meliputi aspek sosio-politik dan ekonomi.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Shahril Talib (1995) menyatakan dalam perjalanan tersebut Abdullah sempat singgah sebentar dibeberapa kawasan dan kesempatan-kesempatan yang diperolehi beliau digunakan sebaik mungkin untuk mencatat perihal politik, sosial dan ekonomi tempat berkenaan. Beliau juga turut menulis beberapa pandangan, pendapat dan kritikan tentang kehidupan masyarakat Melayu di kawaan berkenaan. Penulisan Abdullah dalam Kisah Pelayaran Abdullah terkandung perihal kehidupan masyarakat Melayu pada abad ke-19 yang dinyatakan secara jelas oleh Abdullah. Dengan itu, karya Kisah Pelayaran Abdullah ke timur akan dianalisis terhadap bentuk-bentuk krirtikan yang terkandung di dalamnya melalui aspek pemikiran, kepercayaan, falsafah, budaya, nilai dan pengalaman masyarakat pantai timur dapat dirungkaikan dengan lebih jelas dan tepat kerana karya tersebut mengandungi susunan peristiwa dari sudut sejarah yang menyingkap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu ketika itu.

Menurut Ismail Yusoff (2008) Abdullah Munsyi merupakan seorang tokoh awal yang mula membuka sebuah edaran baharu dalam bidang kesusasteraan di Tanah Melayu ini. Abdullah bin Abdul Kadir yang dikenali sebagai Abdullah Munsyi dilahirkan pada 7 Safar 1211 Hijrah iaitu selepas lapan bulan Inggeris mengambil Melaka dari tangan Belanda pada 15 ogos 1795 (Nordiana Hamzah, 2020). Ayah beliau bernama Syeikh Abdul kadir dan Salmah merupakan nama ibu beliau. Ayah Abdullah berasal dari negara Arab manakala ibunya pula merupakan seorang Peranakan Hindu berasal dari Kedah dan beragama Islam. Oleh hal yang demikian, Abdullah Munsyi merupakan seorang yang berketurunan kacukan Arab dan India Muslim. Darah keturunan Arab telah diperoleh daripada moyang Syeikh Abdul Kadir yang merupakan seorang yang berbangsa Arab daripada keluarga Uthmani yang berasal dari Yaman. Manakala darah keturunan India Muslim pula diperoleh dari keturunan sebelah ibunya.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Abdullah Munsyi terkenal dengan seorang yang memiliki pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ilmu agama, bahasa dan penulisan.

Karya Abdullah Munsyi yang unggul dan diangkat sebagai karya agung iaitu Hikayat Abdullah yang diterbitkan pada tahun 1848 dan Kisah Pelayaran Abdullah diterbitkan pada tahun 1938, kedua-dua karya tersebut merupakan hasil tangan Abdullah yang ditulis menerusi sebuah pengalaman yang telah dilalui dan dihayati semasa dalam pelayaran beliau. Selain itu, karya tersebut adalah sebuah karya sastera yang berharga dan bermakna dalam bidang kesusasteraan Melayu di Malaysia. Karya Kisah Pelayaran Abdullah merupakan sebuah catatan Abdullah Munsyi semasa beliau berlayar ke beberapa buah negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kepengarangan Abdullah Munsyi telah menjadi rangkuman terpenting kepada kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu terhadap pelbagai bentuk kritikan yang telah dinyatakan beliau menerusi penulisan Kisah Pelayaran Abdullah.

## 1.2 LATAR BELAKANG

Kemunculan pelbagai bentuk kritikan yang dilontarkan oleh Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur akan dilihat menerusi kajian berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kehadiran penulisan yang berbentuk autobiografi oleh Abdullah Munsyi ini telah mengubah tradisi penulisan dinusantara ketika itu. Hal ini demikian kerana penulisan beliau telah menggunakan teknik atau stail penulisan yang moden dan menyimpang jauh daripada kebiasaan penulis-penulis karya sastera lain. Menurut Mohd. Thani Ahmad, 1988 menyatakan bahawa gaya penulisan Abdullah Munsyi merupakan satu penentangan terhadap bentuk tradisi dalam penulisan sebelumnya yang mana tema bagi karya Abdullah Munsyi tidak lagi berlandaskan kepada kisah dongeng dan khayalan seperti penulis sastera lain, sebaliknya



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

keseluruhan karya beliau lebih tersingkap kepada pesanan, kritikan, pandangan yang berbau kritis, positif dan progresif.

Rentetan itu, karya beliau yang terkenal berlatar belakangkan persoalan tentang masyarakat sezamanya yang hidup di bumi yang nyata iaitu Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur. Melalui karya tersebut pelbagai kontroversi telah ditimbulkan namun sumbangnya terhadap dunia kesusasteraan Melayu cukup bererti menerusi hasil penulisan beliau. Menurut Mohd Alif Bin Sapri, 2010 juga menyatakan bahawa keberanian Abdullah Munsyi dalam menyampaikan sebuah kritikan terhadap raja-raja Melayu dan golongan pembesar Melayu namun beliau juga telah membawa pembaharuan dari segi isi dan bentuk dalam pembinaan penulisan dengan menggunakan pengalaman dan pemerhatianya terhadap masyarakat. Ketokohan beliau terselah sebagai pelopor awal yang membuka lembaran baru dalam bidang penulisan secara autobiografi. Dengan itu, karya Abdullah Munsyi mengandungi idea yang benar-benar baharu dan berlainan dengan penulis lain kerana Kisah Pelayaran Abdullah telah menerapkan seni kepengarangan yang bersifat kritikan dan berkait rapat dengan pengalaman, perasaan, dan pemikiran yang asli daripada beliau.

Kepengarangan Abdullah Munyi yang bijak dalam mengkritik secara terus tanpa berlapis terhadap institusi beraja dan kehidupan masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Pergaulan Abdullah bersama tokoh besar Inggeris iaitu Stamford Rafles dan William Farquhar telah membawa beliau kepada pengaruh dengan idea renaissance sehingga bertindak mengritik institusi beraja dan dengan secara terang-terangan menolak sebarang bentuk kepercayaan masyarakat Melayu terhadap perkara khurafat, tahyul dan karut yang telah sebati dengan pemikiran orang Melayu.  Hal ini jelas menunjukkan bahawa Abdullah Munyi telah membawa



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

sebuah pemikiran yang kaya dengan pembaharuan yang seterusnya mengkritik secara terbuka kelakuan raja Melayu dan masyarakat Melayu ketika itu (Aisyah Hamdan, 2016). Kisah Pelayaran Abdullah merupakan sebuah karya yang bersifat realistik. Abdullah Munsyi telah memalingkan penanya dari menulis cerita khayalan mahupun ghaib kepada bentuk penceritaan yang lebih bersifat kenyataan dan fakta. Karya Kisah Pelayaran Abdullah yang dihasilkannya adalah berdasarkan kepada pengalaman, pengamatan dan kisah kejadian sebenar yang berlaku disekelilingnya setiap hari sepanjang pelayaran beliau.

Dalam pada itu, kepengarangan Abdullah Munsyi yang dikatakan bersifat terbuka dalam mengritik dan menegur institusi raja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu pada zaman itu muncul disebabkan pengalaman yang dilalui beliau dan latar belakang yang meretasi kehidupan Abdullah Munsyi. Bentuk-bentuk kritikan yang dilontarkan beliau akan dilihat menerusi pelbagai bentuk kritikan yang digarap beliau dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur. Kemungkinan kritikan yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi telah memberi kesan kepada kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu sekarang. Oleh hal yang demikian, kepengarangan Abdulah Munsyi perlu dianalisis untuk mengetahui bentuk-bentuk kritikan dan dapat ditafsirkan dengan lebih tepat, seterusnya mesej dan penyampaian beliau dalam Kisah Pelayaran Abdullah dapat disingkap dengan lebih jelas menurut pandangan *Malay Centric*.

## 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan dunia kepengarangan Abdullah Munsyi berdasarkan karya beliau iaitu Kisah Pelayaran Abdullah ke timur yang telah meninggalkan kesan kepada budaya, pemikiran, pandangan dan falsafah hidup. Kesan yang dijadikan sebagai cermin dan pembentuk budaya serta tamadun bangsa rentetan daripada sebuah kritikan yang bercorak teguran dan pandangan terhadap masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu.

Kisah pelayaran Abdullah melambangkan keunggulan daya cipta Abdullah Munsyi yang membentuk sebuah tradisi baru dan identitinya yang tersendiri. Menurut Azhar Ibrahim Alwee, 2007 dalam artikel beliau yang berjudul Abdullah Munshi, Kesedaran Islam dan Kolonialisme menyatakan bahawa kepengarangan Abdullah Munshi yang dikatakan bersifat terbuka dalam mengkritik dan menegur institusi beraja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu pada masa itu. Abdullah Munsyi membawa perubahan dalam dunia kepengarangan apabila beliau menghasilkan karya-karya yang secara lantang mengkritik sikap orang-orang Melayu dan institusi beraja.

Justeru, kajian ini akan menganalisis bentuk-bentuk kritikan dan mengenal pasti kepengarangan Abdullah Munsyi berdasarkan karya beliau iaitu Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu yang secara lantang menyuarakan pandangan beliau. Berpandukan kepada kenyataan Md Salleh Yaapar (2018), yang menjelaskan bahawa pengarang yang unggul mestilah dengan berani, jujur dan berhikmah dalam menzahirkan perasaan, pandangan dan kritikanya terhadap sesuatu perkara yang diamatinya, dilaluinya dan dirasainya secara kreatif. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa keperibadian Abdullah yang merupakan seorang yang sangat berani



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dan jujur dalam mengkritik institusi raja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu berdasarkan pengalaman dan kisah hidup sebenar yang dilalui oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi semasa berlayar ke negeri pantai timur iaitu negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan.

Kajian ini memberi tafsiran dengan tepat dan jelas berdasarkan bentuk-bentuk kritikan yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi terhadap institusi raja dan masyarakat Melayu terutama dari aspek kritikan, teguran dan pendapat beliau. Hal ini kerana pengkaji dapat memastikan khalayak dapat memahami dengan lebih jelas kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah dan membantu meningkatkan kepahaman khalayak terhadap bentuk-bentuk kritikan tersebut berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kebanyakkan kajian, sudut kepengarangan terhadap bentuk-bentuk kritikan jarang diperhatikan dan diberi tumpuan. Abdullah Munsyi menjadi subjek kajian, yang memiliki keistimewaan dan kehebatan dalam dunia kepengarangan dalam melakukan kritikan secara terbuka.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji mempunyai matlamat yang ingin dicapai melalui penghasilan penyelidikan terhadap kajian yang dilaksanakan. Tiga perkara akan diteliti melalui kajian ini iaitu:

1. Menganalisis bentuk-bentuk kritikan yang terdapat dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur.
2. Mengenal pasti kepengarangan Abdullah Munsyi dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu.
3. Mengetahui kepentingan kritikan sebagai sandaran kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu.

Sebagaimana yang sedia maklum, diharapkan pengkaji dapat meneliti ketiga-tiga perkara yang telah ditetapkan bagi membuktikan hasil penyelidikan terhadap bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur kajian dilakukan berdasarkan pandangan *Malay Centric*.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji menetapkan persoalan kajian bagi menghuraikan dengan jelas mengenai bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur berdasarkan pandangan *Malay Centric.* Kajian ini telah menetapkan tiga persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah bentuk-bentuk kritikan yang terdapat dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur?
2. Mengapakah pengarang Abdullah Munsyi melakukan kritikan yang disifatkan secara terbuka kepada masyarakat Melayu?
3. Apakah kepentingan kritikan sebagai sandaran kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu?

Persoalan yang telah dikemukakan merupakan bayangan pemikiran pengkaji berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Persoalan kajian yang ditetapkan akan menjawab kepada permasalahan kajian dan hasil daripada dapatan kajian akan menjawab kepada objektif kajian.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.6 SKOP DAN BATASAN KRITIKAN

Skop dan batasan kritikan kepada tokoh yang bernama Abdullah bin Abdul Kadir dan teks Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur. Skop kajian yang tertumpu kepada bentuk-bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur dan dirungkaikan melalui pandangan *Malay Centric* daripada aspek pemikiran, kepercayaan, falsafah, budaya, nilai dan pengalaman masyarakat pantai timur.

Skop kajian tertumpu kepada analisis bentuk-bentuk kritikan terhadap Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur, latar belakang pengarang, kepengarangan, dan sudut pandangan *Malay Centric* terhadap karya Munsyi Abdullah. Tujuan kajian dilakukan bagi memahami kepengarangan dan unsur kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur karya Abdullah Munsyi. Aspek kepengarangan yang ingin dikaji dalam kajian ini memberi fokus kepada bentuk-bentuk kritikan dalam proses penciptaan karya dengan menggunakan teori Pascakolonial berdasarkan prinsip-prinsip teori Pascakolonial yang membawa pandangan *subversive* terhadap penjajah dan penjajahan. Hasil kajian untuk mengenalpasti bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur berdasarkan pandangan *Malay Centric*.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian memberi fokus utama kepada penulisan teks Kisah Pelayaran Abdullah ke timur untuk mengenalpasti bentuk-bentuk kritikan yang terkandung di dalamnya berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan tujuan dan kepentingannya kepada pelbagai pihak yang terbabit iaitu:

### 1.7.1 Kepentingan Kepada Individu

Hasil kajian berguna kepada individu supaya dapat memilih sebuah karya yang terbaik dan terunggul untuk dijadikan sebagai bahan bacaan ilmiah yang sarat dengan nilai-nilai kehidupan. Setiap individu yang berkepentingan akan menjadikan kajian ini sebagai panduan dan rujukan untuk penambahan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Hasil kajian daripada penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada para penyelidik dan pengkritik pada masa akan datang.

### 1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Seterusnya, kajian ini penting kerana mampu merungkaikan bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur dan dirungkaikan melalui pandangan *Malay Centric* daripada aspek pemikiran, kepercayaan, falsafah, budaya, nilai dan pengalaman masyarakat pantai timur. Oleh hal yang demikian, hasil kajian boleh dijadikan panduan pada masa hadapan supaya masyarakat dapat melaksanakan sebuah kajian yang lebih baik dan sarat dengan penambahan ilmu pengetahuan. Penulisan ini juga dapat dijadikan panduan untuk meningkatkan mutu dalam sebuah penulisan ilmiah lain supaya dapat menjadi sebuah

penulisan yang terbaik dan bernilai kepada pembangunan institusi masyarakat. Ahkir sekali, hasil kajian dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada penyelidik seterusnya.

### 1.7.3 Kepentingan Kepada Negara

Hasil kajian ini penting untuk mengenalpasti bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur berdasarkan pandangan *Malay Centric* terhadap kepengarangan Abdullah Munsyi. Seterusnya, penyelidikan terhadap teks tersebut juga penting untuk para pengkaji dan penyelidik sebagai prinsip untuk memahami proses kreativiti dalam sebuah kepengarangan menerusi pengarang yang terunggul dan dapat dijadikan sebagai panduan kepada penulis lain. Selain itu, pengkaji dan penyelidik boleh menjadikan hasil penyelidikan ini sebagai teras kepada penghasilan kajian yang lain. Kajian ini seterusnya mampu memberi pendedahan atau landasan awal kepada pengkaji lain dan diharapkan dapat mempertajamkan, memperluaskan dan mambantu kajian yang akan datang serta menambahkan lagi hasil kajian yang telah sedia ada. Pihak kerajaan juga dapat menggunakan cara atau kaedah yang lebih baik untuk memperluaskan bidang kritikan kesusasteraan dan secara tidak langsung dapat memperbaiki kelemahan yang dihadapi dalam bidang kritikan sastera untuk perkembangan pendidikan pada masa akan datang.

### 1.7.4 Kepentingan Kepada Institusi

Kajian ini juga penting dan bermanfaat kepada pelajar daripada Sekolah, IPTA atau IPTS. Kajian ini akan memberikan ruang kepada mereka menjadi pelapis atau pengganti dalam menghasilkan kajian berkaitan kritikan pada masa akan datang dan juga mendapatkan maklumat mengenai bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kajian ini juga penting bagi Dewan Bahasa Dan



FTKW

Pustaka (DBP) untuk menyimpan data berkaitan dengan bidang kritikan sastera yang boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang. Oleh itu, dengan memperluaskan atau menperkembangkan budaya dan bidang kritikan akan dapat membantu untuk menarik lebih banyak golongan pengkritik dalam bidang kesusasteraan.

FTKW

## 1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, teks Kisah Pelayaran Abdullah tersingkap pelbagai isu dan keterangan baharu. Abdullah Munsyi merupakan seorang tokoh yang sangat dekat dengan masyarakat dan jujur dalam berkarya sehingga berani mengkritik perilaku-perilaku masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu. Kemunculan Abdullah bin Abdul kadir membuka lembaran baru dalam dunia penulisan dan persuratan di Nusantara kerana hikayat yang ditulis beliau merupakan suatu rakaman pengamalan sebenar kehidupan sosial pada zaman itu. Malah banyak peristiwa besar dan sikap masyarakat sosial terakam dalam hikayat tersebut sekali gus mencarikkan adat kebiasaan sebuah hikayat yang penuh dengan fantasi, kesaktian dan lagenda ketokohan individu. Oleh hal yang demikian, segala isi dalam penyelidikan ini diharapkan dapat membantu melontarkan pesanan dan pandangan terhadap kepentingannya kepada seluruh individu, masyarakat, negara dan institusi berkepentingan dalam melakukan kajian.

Dalam pada itu, aspek kehebatan dan kejayaan Abdullah Munsyi juga dapat dibuktikan oleh keupayaan keintelektual dalam penciptaan karya dan pembinaan pengalaman estetik yang dilalui oleh pengarang dalam proses kepengarangan beliau. Teori pascakolonial digunakan supaya kajian dapat memfokuskan kepada karya dalam bentuk seperti tentangan iaitu sebuah karya yang lahir di negara-negara bekas tanah jajahan selepas zaman kemerdekaan. Berketepatan dengan bentuk penulisan Abdullah Munsyi yang memberi kritikan terhadap

masyarakat Melayu dalam autobiografi beliau melalui kisah-kisah kehidupan yang membabitkan dalam dan luar dirinya, bukan sahaja aliran pemikiran malah aspek kolonialisme yang berlaku pada zaman tersebut.

Tamsilnya, sesebuah karya agung mempunyai hubungan secara langsung antara pengarang, khalayak dan karya melalui proses kepengarangan secara halus dan instrinsik untuk tujuan memberi teguran dan mengubah nasib masyarakat pada masa itu. Penulisan Abdullah Munsyi terkenal sebagai memoir atau autobiografi. Kisah Pelayaran Abdullah diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 1838. Namun demikian, perkara yang paling ditonjolkan dalam autobiografi ini adalah, sikap Abdullah Munsyi dan kritikan tajam yang beliau lontarkan terhadap suasana sosial pada zaman itu, hasil daripada pemikiran dan ketajaman akal serta kebijaksanaan yang dimilikinya tersingkap pelbagai bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur dapat dirungkaikan berdasarkan pandangan *Malay Centric* menerusi penyelidikan ini.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**BAB 2**

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1 PENGENALAN

Kajian memberikan tumpuan terhadap kajian-kajian lepas dalam melaksanakan tinjauan literatur yang telah dicapai oleh para sarjana berkitan dengan tajuk penyelidikan. Kajian memfokuskan kepada kajian-kajian lepas berkenaan dengan Kisah Pelayaran Abdullah berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Tinjauan literatur memberikan perhatian kepada beberapa faktor yang berada dilingkungan terhadap bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur dapat dirungkaikan berdasarkan pandangan *Malay Centric* dan kajian lepas yang terdapat pengunaan teori dan pendekatan yang telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu teori Pascakolonial. Tinjauan literatur juga dilakukan terhadap kajian lepas yang berkaitan dengan kepengarangan, kritikan sastera, Abdullah Munsyi dan Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur. Tinjauan yang dilakukan adalah secara bersistematik dan kritikal keatas dokumen-dokumen, jurnal, artikel, buku, tesis-tesis sarjana yang mengandungi maklumat, idea dan data untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam penyelidikan.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 2.2 TINJAUAN LITERATUR KEPENGARANGAN

Mohamad Rosmizi Mahamad (2020). Sebuah penyelidikan terhadap Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. Kajian dilaksanakan bertujuan untuk mengamati keunggulan kepengarangan terhadap novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan. Kajian dilakukan dengan menggunakan teori Teksdealisme. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan memberi tumpuan kepada kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks novel yang dipilih. Kajian ini secara khususnya dilakukan untuk mengenalpasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua jenis novel yang dipilih sebagai bahan kajian dan mengetahui kekuatan kepada kepengarangan Anwar Ridhwan terhadap penghasilan karya tersebut. Seterusnya, kajian ini telah menerapkan empat pinsip yang menyokong teori Teksdealisme bagi menampakan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Kajian telah menemui sebuah konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip yang utama iaitu prinsip Hijrah, Jati Diri dan Insaniah. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memberi kesan kepada pengkaji atau penyelidik lain sebagai panduan asas dalam memahami proses kepengarangan dan membantu dalam memilih karya yang sangat unggul juga menrangsang dalam mempertingkatkan mutu sesebuah karya bagi mencapai tahap yang unggul.

Ghazali Din dan A. Halim Ali (2020) dalam Rumpun Jurnal Persuratan Melayu sebuah penelitian terhadap Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. Penyelidikan dilakukan bermatlamatkan untuk mengkaji sumbangan dan kepengarangan saterawan negara iaitu Muhammad Hj Salleh selaku seorang penyair yang berjaya memartabatkan jati diri Melayu. Kajian dilakukan secara kaedah kualitatif dan berbentuk kepustakaan dengan pengaplikasian



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Model Proses Kreatif Teksnaluri. Selaras dengan Model Proses Kreatif Teksnaluri yang telah menggabungkan dua jensi teori didalamnya iaitu Teori Teksdealisme dan Teori Tipa Induk (Carl Gustav Jung) diaplikasikan dalam kajian ini dan dijadikan sebagai panduan serta landasan kepada analisis dan dapatan kajian. Puisi-puisi terpilih Muhammad Hj Salleh memperlihatkan sisi pemikiran beliau terhadap kesedaran pembangunan minda bangsa Melayu dianalisis secara deskritif. Dengan keadaan sedemikian, kajian mendapati sumbangan Muhammad Hj Salleh amat bermakna dan penting kepada pembangunan minda dan peradaban masyarakat Melayu yang dapat merentasi benua menerusi penghasilan puisi-puisi Muhammad Hj Salleh.

Ghazali Din (2015) sebuah jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) sebuah kajian terhadap Konsep Komunikasi dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teksnaluri. Kajian dilakukan dengan memberi perhatian kepada kepengarangan dan proses kreatif berdasarkan naluri seorang penyair. Penelitian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan kaedah kualitatif bagi mengkaji puisi-puisi karya penulisan Muhammad Haji Salleh berdasarkan 10 kumpulan puisinya yang dianalisis secara kaedah kepustakaan. Puisi-puisi tersebut dipilih bagi mengaji dari aspek naluri pengarang yang menjadi landasan dan panduan komunikasi antara pengarang, teks dan khalayak bagi memahami maksud teks puisi berkenaan. Tujuan sebenar kajian dilakukan adalah untuk menambahkan khazanah gagasan bagi sudut kepengarangan yang mampu memberi manfaat kepada bidang bahasa dalam menentukan ruang lingkup pengkaryaan. Akhir sekali, hasil kajian mendapati sifat mementingkan komunikatif akan merangsang pengarang dalam menghasilkan sebuah puisi yang mempunyai ciri-ciri berdasarkan prinsip teori Teksnaluri.

Norazimah Zakaria (2014) menerusi sebuah Jurnal Pengajian Melayu yang berjudul Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional Dan Peranan Penceritaan. Kajian dilaksanakan bagi membahaskan berkenaan dengan penetapan dua perkara iaitu peranan penceritaan dalang dan dagang pada bahagian peranan pengarang Melayu tradisional. Kajian dilakukan berdasarkan Model Koster mengenai Idea Buku oleh Braginsky, 1998. Kajian dilakukan dengan memberi fokus kepada kumpulan sastera mengenai makn-makna fungsi sastera. Akhir sekali, kajian mendapati tugas penceritaan adalah dagang berada di bawah makna faedah dan tugas peceritaan dalang pula berada di bawah makna keindahan dalam sastera. Dengan kata lain, melalui pengaplikasian model Koster dalam kajian dagang dan dalang merupakan dua orang pencerita yang berfungsi menperlihatkan dua jenis sastera iaitu sastera yang berfaedah atau dikenali sebagai "*Beneficial Texts*" dan sastera yang mampu menghiburkan atau dikenali sebagai "*Soothing Tests*".

Zubir Idris (2017) dalam sebuah Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) satu penelitian terhadap Etnosentrisme Kepengarangan dalam Syair Perang Melayu Nusantara. Kajian ini bermatlamatkan dalam membahaskan berkaitan dengan kepengarangan dalam beberapa syair perang yang terpilih iaitu *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Peperangan Ache* dan *Syair Perang Menteng*. Kajian ini dilakukan dengan pengaplikasian model oleh William Graham Summer yang telah mentakrifkan konsep etnosentrisme sebagai kebolehan menilai kebudayaan sendiri dengan lebih bernilai daripada kebudayaan orang lain sebagai landasan dalam penulisan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis secara instrinsik berdasarkan aspek kekuatan bahasa yang turut diteliti dengan lebih jelas. Akhir sekali, kajian mendapati pengarang syair perang berkehendak untuk mengangkat konsep etnosentris peribumi Melayu Nusantara iaitu Makasar, Aceh Dan Palembang pada kedudukan yang lebih tinggi dengan penerapan kekuatan kebahasaan.



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Ghazali Din (2016) sebuah kajian yang berjudul kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teksnaluri. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk membuktikan kewujudan dan pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Kajian telah menggunakan kaedah kualitatif dengan pengumpulan maklumat secara kepustakaan manakala bagi kerja lapangan analisis dilakukan terhadap 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 buah sajak. Dalam pada itu, bagi mengukuhkan lagi kajian Model Proses Kreatif Teksnaluri digunapakai dalam proses analisis dan dapatan kajian. Akhir sekali, kajian mendapati pengaruh elemen Naluri Kealaman dan Keindividualan begitu kuat dalam mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penghasilan sajak-sajak beliau. Dengan demikian, elemen naluri berkait rapat dengan pengahsilan sesebuah teks disamping elemen lain yang juga berkait rapat iaitu elemen idea dan pemikiran pengarang.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar (2021), sebuah jurnal yang berjudul Gaya Bahasa Dalam Kepenarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stalistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) dan Indonesian (Afrizal Malna). Makalah ini bertujuan menghuraikan persoalan tentang proses penulisan sajak berdasarkan teknik pengunaan gaya bahasa oleh penyair. Usman Awang dan Afrizal Malna merupakan dua tokoh yang dipilih dalam kajian ini. Tokoh yang dipilih merupakan penerima anugerah S.E.A Write yang terawal dan yang muktakhir. Kajian dilakukan dengan menetapkan skop kajian sebagai landasan kepada analisis yang dilakukan bagi memperlihatkan identiti gaya bahasa yang telah digunakan oleh kedua-dua tokoh ketika proses menghasilkan sesebuah karya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis dokumen teks. Pengaplikasian teori stalistik dalam kajian untuk menghuraikan setiap teknik gaya bahasa, unsur kesamaran, kiasan, simbolisme bagi tujuan pembuktian falsafah gaya penyampaian pengarang. Akhir sekali, dapati



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kajian memperoleh penyair Usman Awang dan Afizal Malna mempunyai keunikan yang tersendiri dalam setiap hasil karya bagi menyempurnakan tanggungjawab sebagai pejuang kemanusian.

Nurul Husna Mat Nor (2020), sebuah jurnal yang berjudul Keberanian Dan Proses Kreatif Dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel *Empangan Tugal*. Kajian dilakukan untuk memrungkaikan berkenaan dengan keberanian dan proses kreatif penghasilan novel dalam diri pengarang tersebut. Kajian ini mempunyai batasan yang telah ditetapkan sebagai pandu arah kepada penyelidikan yang dijalankan, kajian membataskan dengan memberi tumpuan kepada novel *Empangan Tugal* karya Osman Ayob. Dalam pada itu, kajian dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dan pengaplikasian teori Rasa-femonologi bagi membincangkan secara jelas berkenaan dengan keberanian dan proses kreatif penciptaan karya tersebut. Kaedah kepustakaan diaplikasikan bagi menyempurnakan analisis dan dapatan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada elemen keberanian dan proses kreatif yang dimiliki pengarang berdasarkan kepengarangan beliau terhadap novel *Empangan Tugal*. Dengan itu, hasil kajian mendapati Osman Ayob mengarang novel dengan menggunakan proses kreatif dan penggunaan elemen keberanian dalam lontaran idea terhadap kepengarangan beliau.

M. Yoesoef dan M. Hum (2010) sebuah makalah yang berjudul Nilai-Nilai Ideologi Dan Sikap Kepengarangan: Sebuah Kajian Atas Sastra Drama Karya N. Riantiaro. Kajian dilakukan untuk merungkai nilai ideologi pengarang dan makna atau kandungan yang tersirat atau tidak dinyatakan dengan jelas dalam sebahagian karya beliau. Kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera kerana berkaitan dengan pengarang, teks, dan kandungan sosial di mana karya tersebut ditulis atau dihasilkan. Akhir sekali, kajian mendapat



FTKW

ciptaan sastera merupakan dokumen social yang mempunyai pemikiran, harapan dan kritikan terhadap pengarang dan masyarakat secara kolektifnya berdasarkan kepada keadaan semasa zaman tersebut.

Naim Abd Aziz (2019) sebuah tesis yang berjudul Kajian Kepengarangan Dalam Karya-Karya Falsal Tehrani: Suara Untuk Suara Yang Tidak Bersuara. Kajian ini memilih kepengarangan Faisal Tehrani atau nama sebenarnya Mohd Faizal bin Musa. Kajian pemikiran beliau dipilih atas dua faktor utama, pertama adalah kerana kebanyakan novelnya adalah berdasarkan fakta, bukannya semata-mata cereka berbentuk fiksyen. Kedua, bidang penulisan yang digarap oleh Faisal Tehrani bukanlah sesuatu yang popular, yakni menulis mengenai hak asasi manusia terutamanya golongan minoriti dan golongan tertindas. Kajian mendapati karya Falsal Tehrani walaupun terlibat dengan pelbagai kontrovesi, tetapi hasil tangan beliau mengikut fahaman kesusasteraan, sukar untuk menafikan kebolehannya.

## 2.3 TINJAUAN LITERATUR KRITIKAN

Mohd Adi Amzar Bin Muhammad Nawawi et al. (2016). Sebuah penyelidikan yang berjudul Pendekatan Islam Dalam Kritikan Sastera: Satu Tinjauan Literatur. Kajian ini dilakukan untuk meninjau literatur-literatur yang berakitan dengan pendekatan Islam dalam kritikan sastera. Kajian telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data bagi analisis dan dapatan kajian. Seterusnya, kajian dilakukan secara analisis deskriptif dan membahagikan kajian kepada tiga isu utama sebagai topik dalam perbincangan pada bahagian dapatan kajian. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa pendekatan Islam juga tidak ketinggalan dalam mereka bentuk idea dan

kritikan yang menarik dan unik walaupun masih dibelenggu dengan beberapa isu yang dihadapi dalam memperkasakan idea dalam melakukan kritikan.

Sahlan Mohd. Saman (2005) dalam sebuah jurnal yang berjudul Pengkaedahan Melayu-Islam dalam Kritikan Sastera. Kajian dilakukan bertujuan untuk melihat kritikan sastera Melayu yang jauh ketahap yang membanggakan negara. Kajian kritikan sastera ini mengaplikasikan pendekatan Melayu-Islam supaya dapat mempelajarinya terlebih dahulu daripada teori dan pendekatan yang lain juga releven untuk digunakan. Pendekatan Melayu-Islam dikuasai sepenuhnya sebelum mengaplikasikannya semasa proses mengkritik sebuah hasil karya sastera. Hal ini demikian kerana krikawan bertanggngjawab atas segala kenyataan yang dikeluarkan dalam melakukan kerja kritikanya. Seorang kritikawan yang unggul akan sentiasa berlaku adil kepada karya, pengarang dan khalayak terhadap hasil kritikannya. Akhir sekali, sebuah karya yang akan dikritik juga menggunakan pendekatan Melayu-Islam supaya hasil kritikan tidak menyimpang jauh daripada landasan.

Azhar Hj. Wahid dan Abdul Ghani Hj. Abu (2015) sebuah Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) yang berjudul Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodenisme. Kajian dilakukan untuk menilai karya sastera yang wujud merangkumi sebuah penulisan yang *legislative* dan penciptaan teori sastera. Kajian juga dilakukan untuk melihat beberapa tahap perkembangan kritikan sastera Melayu. Antara tahap yang telah dikenal pasti dalam kajian ini merangkumi tahap sebelum perang dunia II, tahap sebelum zaman kemerdekaan, tahap semasa zaman kemerdekaan dan zaman modenisme serta zaman pascamodenisme. Kajian ini juga meneliti kemunculan teori-teori baharu yang di sesuaikan dengan teks pascamodenisme. Akhir sekali, kajian mendapati kritkan teoritis semakin sukar



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

dan kompleks sifatnya setelah kemunculan teori-teori kritikan yang hanya dikuasai oleh pengkritik sarjana sastera.

Mana Sikana (2013) dalam sebuah Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN). Sebuah penyelidikan yang berjudul Arah Perjalanan Teori Dan Kritikan Sastera Malaysia Dalam Era Globalisasi. Kajian dilakukan untuk melihat kemajuan dan perubahan yang berlaku kepada teori sastera Melayu. Kajian ini telah memperlihatkan genre sastera iaitu puisi, cerpen, novel, drama kritikan dan esei sastera malalui fasa-fasa kemajuan dan perkembangan serta pertumbuhannya. Kajian juga dilakukan bagi mengetahui berkaitan dengan gabungan aplikasi teori sastera dengan teknik apresiasi untuk tujuan perbincangan tentang pemikirn dan kepengarangan penulis sastera Melayu secara individual. Akhir sekali, kajian mendapati zaman globalisasi merupakan penanda aras bagi pembentukan semula teori sastera yang mampu memberi panduan dan penentapan terhadap perjalanan sesebuah karya sastera dan sejarah kemunculannya.

Indirawati Zahid (2019) sebuah penelitian terhadap Strategi Berterus-Terang dalam Kritikan. Kajian ini meneliti ujaran kritikan dengan mengkategorikan strategi berterus terang dan memperlihatkan hubungan antara strategi dengan air muka pengarang. Kajian menggunakan kaedah aplikasi memuat turun teks dan analisis teks yang berkaitan dengan kajian. Dapatan kajian memdapati bahawa analisis kritikan daripada juri dapat dibahagikan kepada dua fakta iaitu umum dan spesifik. Fakta umum merujuk kepada keadaan dimana tiada sebarang gangguan semantik manakala bagi fakta spesifik adalah sebaliknya. Hasil akhir menperlihatkan pengaplikasian strategi ini tidak menjejaskan air muka, hal ini kerana faktor jarak, kuasa dan peningkatan budaya dalam bidang kritikan.



FTKW

Ariff bin Mohamad (2016) dalam sebuah jurnal yang berjudul Makna Siratan Dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. Penyelidikan ini memberi penekanan terhadap makna siratan daripada ungkapan berdasarkan lima buah novel politik Melayu yang terpilih dan dijadikan sebagai bahan kajian. Analisis dapatan kajian merungkaikan makna yang tersirat daripada ungkapan pengarang yang terpilih. Analisis membahagikan penelitian terhadap dimensi perilaku, dimensi peristiwa dan dimensi unsur alam yang akan menghuraikan makna siratan dan membuat kesimpulan berdasarkan pendekatan Prinsip Gagasan Kritikan Melayu oleh Dr. Syed Othman Syed Omar. Akhir sekali, kajian berjaya membuktikan makna siratan pengungkapan pengarang berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu.

Fauzi bin Hasan (2019) sebuah makalah yang berjudul Kritikan Sosial Dalam Novel-Novel Terpilih Karya Faisal Tehrani. Kajian dilakukan untuk menghuraikan kritikan-kritikan sosial yang terkandung dalam novel terpilih Faisal Tehrani. Penggunaan lima buah novel karya Faisal Tehrani iaitu perempuan *Politikus Melayu*, *Manikam Kalbu*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Bahlut Dan Bagaimana Anyss Naik Ke Langit*? Kajian memfokuskan kepada tiga perkara untuk menganalisis novel-novel tersebut iaitu aspek social, politik dan sosioekonomi. Penyelidikan dilaksanakan dengan menggunakan metod kualitatif melibatkan aktiviti pembacaan kesemua bahan kajian dengan teliti dan menyeluruh serta melakukan pentafsiran berdasarkan sumber bertulis. Akhir sekali, kajian mendapati pengarang hanya menghasilkan novel tersebut bukan untuk hiburan, namun ianya *platform* bagi Faisal Tehrani menyuarakan pemikiran, kritikan dan pandangan terhadap permasalahan sosial masyarakat.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Shokeri Hassan (2003) sebuah penyelidikan yang berjudul Perkembangan Teori Dan Pendekatan Kritikan Dalam Kesusasteraan Melayu Dekad 80-an – 90-an. Kajian dilakukan untuk meninjau esei kritikan sastera Melayu sepanjang dekad 80-an hingga 90-an. Matlamat kajian adalah untuk mengetahui kuantiti, kualiti, genre, pengkritik dan pendekatan yang digunakan sepanjang dua dekad tersebut. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk menganalisis kesemua esei kritikan yang telah dipilih. Pendekatan formalistic telah digunakan untuk mendominasi esei kritikan dalam dekat 80-an dan 90-an. Akhir sekali, kajian dapat membuktikan bahawa genre novel paling mendapat tempat dalam kedua-dua dekad tersebut, seterusnya diikuti dengan puisi dan cerpen dengan jumlah yang hampir sama dan paling sedikit adalah genre drama.

Nur Farhana Abdul Rahman dan Nur Solehah Shapiee (2018) sebuah jurnal yang berjudul Autoriti Agama Di Malaysia: Kedudukan Dan Kritikan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetengahkan pandangan G25 terhadap agama pihak berkuasa di Malaysia. Kajian bertujuan untuk menganalisis pandangan dan isu utama yang dikemukakan oleh G25 mengenai agama autoriti dan justifikasi mereka. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan metodologi dari pelbagai sumber dalam bentuk buku, jurnal, artikel dan bahan elektronik yang berkaitan dengan topik ini dan disokong oleh temu bual dengan salah satu daripada anggota mereka dalam menghuraikan pandangan mereka mengenai isu-isu tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa G25 mendakwa bahawa mereka tidak menolak kewibawaan agama sepenuhnya tetapi menolak pendekatan prosedur yang digunakan oleh pihak berkuasa agama dalam melaksanakan Undang-undang Syariah.

Nordiana Hamzah et. *al*. (2020) sebuah kajian yang berjudul Kritikan Pemimpin Melayu Dalam Novel Patriarch. Kajian dilakukan untuk melihat bagaimana pemikiran pengarang dalam aspek kepimpinan dicernakan dalam teks dan bagaimana pengarang mencorak watak dan perwatakan pemimpin yang bijak dalam mentadbir sesebuah organisasi. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentk kajian adalah kepustakaan dan kajian analisis teks. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kepimpinan Iman Al-Ghazali dalam menganalisis pemikiran pengarang, analisis dilakukan bersandarkan kepada konsep dalam kepimpinan Islam. Hasil kajian mendapati untuk membina sebuah negara yang kukuh pemimpin harulah sorang yang berakal, sentiasa menuntut ilmu dan bergaul dengan para ilmuan seperti golongan ulama.

## 2.4 TINJAUAN LITERATUR KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE TIMUR

Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff et al. (2020) dalam jurnal Melayu yang berjudul Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. Sebuah penyelidikan dilakukan bertujuan untuk mengetahui aspek stalistik atau gaya bahasa dalam teks Melayu kalsik, iaitu teks Hikayat Abdullah (1849) karya Abdullah Munsyi. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis data terhadap penggunaan bahasa dengan membuat satu penelitian secara deskritif. Kajian menggunakan landasan kerangka analisis stalistik Leech & Short (2007). Penggunaan kerangka tersebut adalah untuk merungkaikan berkenaan dengan gejala bahasa dari sudut lingustik dan kebergunaan sastera. Kajian memfokuskan kepada dua kategori, iaitu kategori leksikal dan penggunaan bahasa kiasan. Akhir sekali, kajian menunjukkan pengarang Abdullah Munsyi masih mengekalkan gaya bahasa yang kreatif dari segi penggunaan leksikal yang telah diabstrak bagi memberi kesan kepada makna bahasa tersebut.

Hamdan Aziz (2014) dalam kajiannya yang berjudul Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Sosioekonomi Penduduk Terengganu melalui autobiografi “Hikayat Pelayaran Abdullah Dari Singapura Sampai ke Kelantan”. Kajian terhadap manuskrip travelog Abdullah Munsyi yang bertajuk “Bahawa ini Kisah Pelayaran Abdullah Abdul Kadir Munsyi Dari Singapura Sampai ke Kelantan”. Kajian memfokuskan kepada beberapa kritikan yang khusus di Terengganu pada abad ke-19 Masihi untuk mengingkap kritikan Abdullah berbentuk positif atau negetif. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan sejarah. Selain itu, kajian juga dilakukan bagi merungkaikan isi-isi yang tersurat dan tersirat berdasarkan catatan autobiografi pengarang sepanjang beliau berada di Terengganu. Persoalan kajian yang paling utama adalah berkaitan dengan stratifikasi sosial masyarakat yang diketuai oleh raja, disokong oleh pembesar seterusnya rakyat dan hamba. Akhri sekali, kajian menemukan bahawa Abdullah melakukan kritikan sewaktu beliau pertama kali mendarat di Pulau Kapas.

Amnah Saayah Binti Ismail dan Farid Mat Zain (2004). Dalam jurnalnya yang berjudul Perspektif Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19: Analisis Terhadap Pemikiran Abdullah Munshi Melalui Karya “Kisah Pelayaran Abdullah”. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan Islam dalam catatan Abdullah Munsyi. Selain itu, latar belakang Abdullah Munsyi turut dianalisis. Catatan Abdullah Munsyi boleh dilihat dalam pelayaran beliau ke beberapa buah negeri di pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Laporan yang dibuat menjadi ukuran penting perkembangan Islam di negeri-negeri yang dilawati oleh Abdullah Munsyi. Penulisan ini menggunakan kaedah deskriptif dan analisis kandungan yang diambil daripada karya yang dihasilkan. Kajian mendapati Catatan Abdullah Munsyi merupakan sumber penting mengenai perkembanagn Islam di Tanah Melayu Abad ke-19.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Zuliskandar Ramli (2016) sebuah artikel yang berjudul Warisan Kelantan Dalam Kisah Pelayaran Abdullah. Pada bahagian pengenalan artikel ini membicarakan tentang struktur organisasi beraja Kelantan dan perjalanan Abdullah Munsyi ke Kelantan. Seterusnya, artikel ini membicarakan tentang ringkasan latar belakang Abdullah Bin Abdul Kadir sebelum beliau belayar ke Kelantan. Artikel diteruskan dengan muka bumi dan hasil bumi Kelantan. Kampong dan kediaman di Kelantan juga dibicarakan dengan jelas dan terperincin malah elemen pengangkutan, pakaian, senjata juga dibicarakan. Kesimpulannya, Kisah Pelayaran Abdullah merupakan satu pengalaman peribadi Abdullah yang melawat Kelantan atas urusan rasmi sebagai penterjemah atau juru bahasa.

Yacub Fahmilda dan Putri Zulikha (2021) sebuah jurnal yang berjudul Kajian Sastra Perjalanan Dalam Hikayat Kisah Pelayaran Abdullah Ke Mekah Karya Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi. Kajian dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan mengungkap hikayat sebagai sastera perjalanan klasik Indonesia oleh teori penulisan perjalanan Carl Thompson. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kritikan sastera dan kaedah deskriptif –analitik bagi menyempurnakan kajian ini. Kajian telah menetapkan objektif kajian adalah untuk mengenalpasti Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1854), memberi tumpuan kepada enam elemen penulisan perjalanan oleh Carl Thompson's pendekatan berdasarkan hikayat. Kajian ini menunjukkan bahawa hikayat mengandungi enam elemen penulisan perjalanan. Itu adalah diri, lain-lain, pergerakan, ruang, perjumpaan, dan penulisan.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 2.5 TINJAUAN LITERATUR ABDULLAH MUNSYI

Noordin Mohd Noor (2018) dalam tesisnya yang berjudul Karya-Karya Autobiografi Dan Travelog Abdullah Munsyi: Satu Kajian Rundingan Identiti. Sebuah penyelidikan yang mempunyai tiga tujuan untuk dicapai pertama, meneliti rundingan identiti yang berlaku antara Abdullah dengan golongan sasaran beliau. Kedua, menghuraikan bagaimana Abdullah membuat rundingan identiti dan ketiga merungkaikan hasil rundingan tersebut dengan lebih jelas. Pengaplikasian teori rundingan identiti keatas kajian yang dilakukan berdasarkan kepada teori oleh Willian B. Swann dan diperkukuhkan oleh Larry A.Samnovar, North R. J dan Mark Synder. Tiga buah karya Abdullah dijadikan sebagai bahan kajian iaitu *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Kelantan* dan *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Mekah*. Kajian penting dilakukan bagi membuktikan bahawa terdapat dua hala rundingan identiti yang terjadi antara Abdullah dan masyarakat sasaran beliau.

Jan van der Putten (2016). Dalam Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jilid 9 Yang Berjudul Menyingkap Tempurung Orang Melayu: Sejarah Melayu, Buku Teks Dan Abdullah Munsyi. Kajian ini merungkaikan karya Abdullah di alam Melayu dan ‘nasib’ buku teks sekolah. Kajian juga meneliti proses penyuntingan buku teks sekolah yang dilakukan oleh pentadbir kolonial. Kajian menggunakan petikan daripada pendahuluan sejarah melayu atau sulalat al-salatin yang dijadikan sebagai panduan kepada analisis kajian. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa Abdullah hanya ingin membuka tempurung dan pemikiran orang Melayu untuk membangkitkan kesedaran kepada masyarakat Melayu ketika itu.

Abdul Mutalib Embong dan Ahmad Murad Merican (2013) dalam sebuah kajian yang berjudul Abdullah Munsyi- A Modern Malay Intellectual of New Century. Makalah ini



FTKW

meneliti idea Abdullah yang benar, baru, dan berbeza yang berfungsi sebagai garis pemisah antara dia dan penulis sebelum dan pada zamannya. Kajian juga dilakukan untuk melihat tulisan Abdullah yang mengandungi kritikan tajam yang ditujukan kepad feudal dan komuniti Melayu yang melibatkan amalan kepemipinan, bahasa dan buadaya. Hasil akhir mendapati Abdullah Munsyi telah berjaya memperkenalkan percetakan dan penerbitan buku-buku Melayu di awal abad ke-19 dan membawa perubahan besar dalam dunia kesusasteraan Melayu. Tulisannya membawa analisis dunia Melayu yang sangat komprehensif dan merangkumi dan akhirnya menjadi subjek yang hebat di zaman moden ini.

Andi Chandra Jaya (2018) dalam jurnalnya yang berjudul Konsep *Nation-State* Dalam Pemikiran Idoelogi Politik Melayu Islam Pada Abad Ke91 M (Studi Pemikiran Abdullah Bin Abdul Kadir Munsy (1787-1854). Kajian menfokuskan kepada konsep negara bangsa menurut Abdullah Munsyi dalam ideologi politik Islam Melayu pada abad ke-19 Masihi. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan dan menggunakan pendekatan sejarah dan falsafah politik. Hasil kajian mendapati Abdullah bin Abdul Kadir adalah pencetus nasionalisme dan juga konsep negara bangsa yang berkait rapat dengan nasionalisme dan pemerintahan yang baik di mana yang baik tadbir urus berdasarkan kewujudan ketelusan mutlak, terbuka penyertaan, dan kebertanggungjawaban dalam semua aktiviti negeri di setiap peringkat pengurusan negara, sehingga dibentuk pemerintahan yang bersih.

Mawar Safei (2013) sebuah makalah yang berjudul Abdullah Abdul Kadir: Susuk Tumpu Hadijah Rahmat Dalam Kesusasteraan Melayu. Makalah yang digarap menjurus terhadap kedudukan Abdullah Munsyi yang dihubungkaitkan dengan Hadijah Rahmah. Makalah ini juga memperlihatkan pertautan antara kedua-dua tokoh ini yang mewakili

kesinambungan hubungan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan Singapura. Makalah ini juga dilakukan bertujuan untuk memperlihatkan kesinambungan sastera Melayu antara Malaysia dan Singapura. Makalah ini juga membicarakan perihal kedudukan Abdullah Munsyi sebagai “Bapa Kesusasteraan Moden Melayu” yang dinobatkan oleh Cyrill Skinner berbanding Hamzah Fansuri. Hasil akhri kajian menunjukkan kecenderungan Hadijah Rahmat yang mengangkat Abdullah bin Abdul Kadir dalam tulisan ilmiah dan kreatifnya.

Ahmad Murad Merican (2011) sebuah artikel yang berjudul Occidentalism in The Malay World: The West through the Eyes of Abdullah Munsyi “Oksidentalisme Di Alam Melayu: Barat Melalui Pandangan Abdullah Munsyi”. Artikel ini adalah mengenai bagaimana Barat dibayangkan, digambarkan dan diterbitkan semula oleh Abdullah Munshi. Tulisan Abdullah bersifat kewartawanan dan sosiologi. Penghasilan tulisannya dalam keadaan penjajahan awal belum cukup dipelajari dari perspektif diri dan yang lain, Barat dan bukan Barat. Artikel mengutarakan kajian pertama mengenai sejarah intelektual Melayu. Abdullah autobiografi, Hikayat Abdullah, digunakan untuk mengenal pasti bentuk kejayaan masyarakat Melayu. Artikel ini berperanan yang menunjukkan ruang lingkup dan watak imaginasi orang Melayu Barat. Artikel ini menyajikan sebahagian daripada kajian yang lebih besar yang bertujuan untuk dikembangkan kerangka mengenai sikap dan perwakilan orang Melayu di Eropah dan tamadun Barat.

Norhaili Massari et. al. (2019) sebuah jurnal yang berjudul The Malays: A Retrospective Examination on Identity through Selected Writings by Munshi Abdullah, Za’ba, Syed Hussien Alatas and Mahathir Mohamad “Orang Melayu: Pemeriksaan Retrospektif Mengenai Identiti Melalui Karya Terpilih oleh Munshi Abdullah, Za'ba, Syed Hussein Alatas

dan Mahathir Mohamad”. Munshi Abdullah, Za'ba, Syed Hussein Alatas dan Mahathir Mohamad adalah tokoh penting Melayu di Malaysia yang telah menulis teks penting yang berkaitan dengan identiti, sejarah dan sosio-politik orang Melayu dalam peranan masing-masing, sebagai penulis, pendidik, sosiolog dan pemimpin politik. Makalah ini meneliti tulisan-tulisan pilihan mereka, yang bergema pemikiran dan tulisan mereka yang mereka sampaikan mengenai orang Melayu yang menjadi tonggak penting percubaan memberikan pandangan holistik dalam perbincangan dan pemahaman mengenai identiti orang-orang Melayu dengan melihat masa lalu mereka, yang akan memberi kesan kepada kelangsungan hidup mereka sekarang dan masa depan. Makalah ini telah menggabungkan ketiga-tiga tulisan sastera ini dengan menggunakan pendekatan interpretatif untuk memahami krisis budaya dapat dibentuk.

Marina Munira Abdul Mutalib (2012) sebuah jurnal yang berjudul The Contribution Of Abdullah Musnyi in Malay Literary Works “Sumbangan Abdullah Musnyi Dalam Karya Sastera Melayu”. Makalah ini melipui penyelidikan sastera moden Melayu untuk membincangkan kepentingan terhadap sumbangan Munsyi Abdullah dalam Alam Melayu. Makalah ini akan melihat secara mendalam sejarah hidup Munsyi Abdullah. Selain itu, makalah ini meneliti sumbangan Munsyi Abdullah dalam Sastera Melayu dan karya-karya beliau, yang mana dia telah memberikan sumbangan besar kepada alam Melayu. Makalah ini seterusnya menjejak beberapa elemen baru dalam penulisan Munsyi Abdullah bersama gaya penulisan yang tersendiri yang menjadikannya 'luar biasa' dengan penulisan sahabat sezamannya. Makalah ini juga merangkumi nilai-nilai yang Munsyi Abdullah telah mengemukakan dan mesej penting yang beliau ingin disampaikan kepada sesama bangsa Melayu.



FTKW

Ding Choo Ming (2013) dalam sebuah jurnal yang berjudul Siapakah Abdullah Munshi: Pemikir, Pejuang Bahasa Melayu, Bapa Sastera Melayu Baru Atau…. Makalah ini akan menjawab persoalan berkaitan dengan keintelektual yang dimikili Abdullah Munshi yang seharusnya menjadi nilai moral dan hati nurani sesuai dengan tugasnya untuk memerhati keadaan politik dan sosial pada ketika itu dan meluahkanya dalam karya-karya beliau. Makalah ini juga membicarakan dan menganalisis masa peralihan dalam masyarakat Melayu di ambang abad ke-18 telah membuka ruang dan peluang baru bagi Abdullah Munshi sebagai saintis sosial, pengkritik sosial, dan perunding. Selain itu, makalah ini menyatakan bahawa Abdullah Munshi memiliki kemampuan yang baik untuk tugas itu dan, lebih sering daripada itu, dia lebih waspada dan berpengetahuan secara politik daripada banyak orang lain pada zamannya. Kerana nilai-nilai tertentu, dia terus mengkritik raja-raja Melayu dan masyarakat feudal Melayu, yang berbeza dengan masyarakat yang dibesarkan dan dikerjakannya.

Ahmad Murad Merican (2006) dalam jurnalya yang berjudul Telling Tales, Print And The Extension Of Media: Malay Media Studies Beginning With Abdullah Munsyi Through Syed Shaykh Al-Hady And Mahathir Mohamad "Menceritakan Kisah, Cetakan Dan Perluasan Media: Pengajian Media Melayu Bermula Dengan Abdullah Munsyi Melalui Syed Shaykh Al-Hady Dan Mahathir Mohamad". Makalah ini membicarakan perihal perwakilan dan penjelmaan identiti Melayu yang sudah tentunya kompleks. Makalah akan merungkaikan berkenaan dengan apa yang dilakukan oleh msyarakat Melayu lakukan dari media. Selain itu, makalah ini akan memganalisis berkaitan dengan kategori komunikasi dan media dalam konteks makna, budaya dan pemikiran menggambarkan bahawa orang Melayu tidak berkongsi anggapan Euro Amerika dan pada masa yang sama. Makalah ini juga akan mengemukakan bagaimana usaha untuk melokalisasi dan menjadikan minda, konsep dan amalan hanya menghubungkannya dengan matriks kemodenan globalisasi.



FTKW

## 2.6 TINJAUAN LITERATUR TEORI PASCAKOLONIAL

Daratullaila Nasri (2016). Kajian yang bejudul Ambivalensi Kehidupan Tokoh Larasati Dalam Roman Larasati Karya Pramoedya Ananta Toer: Kajian Pascakolonialisme. Kajian ini dilakukan untuk Roman Larasati merupakan yang salah satu karya Pramoedya Ananta Toer untuk merakam gejala revolusi Indonesia pascaproklamasi. Kajian mendapati Larasati adalah seorang perempuan kampung biasa yang menjadi seorang artis panggung dan bintang filem cantik serta perempuan yang "melacurkan" dirinya pada penjajah. Kajian dilakukan dengan menggunakan kajian pascakolonialisme bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Kajian diakukan menggunakan metodologi secara analisis deskriptif dan pendekatan teori Pascakolonial. Hasil kajian mendapati pendekatan yang digunakan terlihat gambaran sikap ambivalensi kehidupan orang yang dijajah terhadap penjajah.

Wahid Khoirul Ikhwan (2018), dalam jurnalnya yang berjudul Analisis Poskolonial Dalam Puisi "Kesaksian Akhir Abad" Karya Ws Rendra. Kajian dilakukan berdasarkan pengamatain terhadap Sastra yang dapat memberikan gambaran tentang realitasi sosial. Kajian menggunakan puisi yang berjudul "Kesaksian Akhir Abad" karya WS Rendra kerana mempunyai gambaran realitasi sosial bahawa Indonesia masih menjadi negara jajahan. Kajian menggunakan metodologi pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis data menggunakan analisis tekstual. Kajian ini juga menggunakan teori Pascakolonial untuk gambaran bentuk-bentuk poskolonial dalam puisi yang berjudul "Kesaksian Akhir Abad". Hasil kajian mendapati rakyat Indonesia masih dijajah secara psikologi yang berupa ekploitasi terhadap kekuasan dalam bidang hukum, keamanan, ekonomi, dan birokrasi, serta watak atau sikap yang melekat pada politik yang elit.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Awla Akbar Ilma (2016) dalam jurnalnya yang berjudul Repsentasi Penindasan Ganda Dalam Novel *Mirah dari Banda* Berdasarkan Perspektif Feminisme Poskolonial. Kajian meneliti bentuk-bentuk penindasan yang terdapat dalam novel *Mirah dari Banda* berdasarkan perspektif feminisme poskolonial yang digunakan dalam kajian. Hasil analisis menunjukkan novel tersebut membahaskan kedudukan inferior perempuan akibat dominasi sistem kolonialisme Belanda dan Jepang serta dominasi patriarki baik kaum lelaki kolonial mahupun pribumi. Kajian juga mendapati hadirnya penindasan-penindasan yang berganda terhadap kaum perempuan ketika ini yang identiti dengan era kapitalisme (*imperialisme*) dan masih terdapat ideologi patriarki.

Abi Dapit (2020) sebuah jurnal yang berjudul Resistensi Dalam Novel *Hulubalang Raja* Karya Nur Sutan Iskandar: Kajian Poskolonial. Makalah ini membicarakan mengenai kajian pascakolonial yang menerangkan penentangan dalam novel Hulubalang Raja oleh Nur Sutan Iskandar. Makalah ini menggunakan kaedah analisis deskriftif dan dekonstruksi. Makalah ini juga menggunakan elemen intrinsik yang memberi tumpuan kepada rintangan dan peniruan yang berlaku dalam novel Hulubalang Raja. Hasil akhir mendapati Pertama, dalam novel Hulubalang Raja, tingkah laku orientalisme adalah dikotomi yang dibina oleh Belanda. Kedua, penentangan yang berlaku dalam novel Hulubalang Raja adalah penentangan tokoh Raja Adil terhadap penindasan pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat. Di dalam kajian pascakolonial, ia dipanggil penentangan radikal. Ketiga, peniruan yang dilakukan oleh watak Hulubalang Raja dan berada di sisi hubungan dengan Syarikat adalah peniruan untuk menjaga kewujudan diri. Dalam kajian pascakolonial, ia dipanggil ketahanan pasif.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Achmad Junaidi (2020) sebuah jurnal yang berjudul Permainan Alat Muzik Viul Dalam Kesenian Krinok Di Muara Bungo Provinsi Jambi Di Tinjau Dari Teori Poskolonial. Artikel ini membincangkan bermain viul dalam seni krinok di Muaro Bungo, Provinsi Jambi, yang merupakan salah satu provinsi di Indonesia yang pernah dijajah oleh penjajah. Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan kesan penjajahan dalam bentuk jejak yang masih ada sehingga kini, dalam hal ini dalam konteks seni krinok. Kajian menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian dan temu bual terhadap salah seorang artis tradisional, iaitu Zulkarnain sebagai salah satu pemain viul. Menggunakan konsep dari teori pascakolonial, kajian menunjukkan kesan pertemuan budaya yang berbeza, yang mengakibatkan ruang baru dengan kemunculan identiti hibrid baru dan ambivalen.

Gina Novtarianggi (2020) sebuah jurnal yang berjudul Hibriditas, Mimikri Dan Ambivalensi Dalam Novel Kriti Njunjung Drajat Karya R. Tg. Jasawidagda: Kajian Postkolonialisme. Artikel ini dilakukan bertujuan untuk menerangkan bentuk, kemunculan dan penjajaran hibriditi, peniruan dan kesamaran dalam novel Novel Kriti Njunjung Drajat Karya R. Tg. Kajian menggunakan Pasca kolonialisme. Kaedah yang digunakan adalah pendekatan kualitatif. Sumber data dalam penyelidikan ini adalah novel Kirti Njunjung Drajat. Data yang dikumpulkan dalam bentuk kata, frasa dan wacana. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah membaca, teknik mencatat yang dilakukan dengan menandakan novel. Dengan menggunakan kerangka pemikiran pascakolonial, penyelidikan ini memfokuskan pada pencarian bentuk, penampilan dan penjajaran Hybridity, Mimicry, dan Ambivalence terhadap novel. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat satu bentuk Hibriditi dalam budaya, sosial, politik dan bahasa.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rusdian Noor Dermawan dan Joko Santoso (2017) sebuah jurnal yang berjudul Mimikri Dan Resistens Pribumi Terhadap Kolonialisme Dalam Novel *Jejak Langkah* Karya Pramoedya Annata Teor: Tinjauan Poskolonial. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan proses dan bentuk penentangan oleh orang asli menentang penjajahan. Penyelidikan ini adalah jenis penyelidikan deskriptif kualitatif. Data kajian ini merangkumi data kualitatif yang diperoleh melalui pemerhatian dalam bentuk data dalam bentuk unit peristiwa yang mengandungi bentuk rintangan berasal dari penjajahan. Sumber data adalah dokumen, iaitu novel Langkah kaki terbitan Hasta Mitra Jakarta. Instrumen kajian adalah penyelidikan penyelidik yang dilengkapi dengan sekumpulan teori pascakolonial, terutamanya konsep peniruan dan rintangan. Pengumpulan data dilakukan dengan kaedah pemerhatian atau pemerhatian, manakala teknik analisis data menggunakan teknik interpretatif kualitatif deskriptif dengan menggunakan teori pascakolonial.

Bambang Aris Kartika (2011) sebuah jurnal yang berjudul Eksploitasi Concubinage Dan Subjek Subaltern: Hegemoni Atas Perempuan Indonesia Dalam Tinjauan Kritis Pascakolonial Dan Feminisme Novel *De Winst* Karya Afifah Afra. Makalah ini membincangkan amalan penjajahan Belanda yang mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan gender terhadap kedudukan wanita Indonesia dalam novel De Winst oleh Afifah Afra. Melalui pendekatan teoritis pasca-kolonial dan pelbagai kritikan sastera mengenai feminisme pasca-kolonial, pemahaman diperoleh bahawa wanita dalam tempoh kolonial menjadi subjek yang dipinggirkan, baik secara seksual dan sosial. Wanita tidak mempunyai kuasa tawar dalam bidang hukum untuk menuntut pengakuan sebagai isteri yang sah dan mempunyai kedudukan yang terhormat, termasuk stereotaip negatif yang cenderung menjatuhkan maruah dan nilai mereka sebagai wanita.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Tirto suwondo (2014) sebuah jurnal yang berjudul Kajian Wacana Sastra Pascakolonial Dan Pembangunan Karakter Bangsa. Artikel ini membicarakan berkaitan wacana pascakolonial sastra Indonesia dalam kaitannya dengan pembangunan karakter bangsa. Pendekatan yang digunakan adalah pascakolonial untuk membincangkan makna teks dan pragmatik untuk membincangkan mengenai makna konteks. Hasil kajian mendapati pascakolonial membuktikan bahawa teks-teks sastra Indonesia menunjukkan adanya pascakolonialitas yang seperti hubungan, identiti, peniruan dan rintangan. Manakala bagi pragmatik pula kajian mendapati bahawa pascakolonialitas itu hadir oleh para pembaca dapat digunakan sebagai rujukan pelbagai gagasan tematik bagi pembangunan diri dan bangsa yang berwatak.

Putri Maharani (2020) sebuah jurnal yang berjudul Hibriditas Dan Ambibelansi Dalam Kumpulan Cerpen Semua Untuk Hindia Dan Teh Dan Pengkhianat Karya Iksaka Banu: Kajian Sastra Postkolonialisme Dan Implikasi Dalam Pembelajaran Sastra. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan bentuk-bentuk kacukan dan kekaburan yang terdapat dalam koleksi cerpen Semua untuk Hindia dan Teh dan Pengkhianat oleh Iksaka Banu. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Kajian mengenai koleksi cerpen All for the Indies oleh Iksaka Banu mendapati kacukan yang terdapat dalam penggunaan senjata bertengkar dan jenis pergaduhan, gaya berpakaian, dan kebiasaan yang dilakukan setiap hari. Kekaburan dalam kumpulan Cerpen All for the Indies oleh Iksaka Banu adalah minat serta penolakan terhadap objek, orang dan tradisi. Hasil kajian mengenai koleksi cerpen Teh Dan Pengkhianat karya Iksaka Banu menemui kacukan yang ada dalam penggunaan senjata dalam pertempuran, gaya berpakaian, bangunan, teknologi, tabiat harian, dan tradisi.



FTKW

## 2.7 KESIMPULAN

Melalui tinjauan literatur yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pelbagai kajian telah dilakukan berkenaan dengan kepengarangan pengarang, kritikan sastera, Abdullah Munsyi, Teori Pascakolonial. Namun, sedikit kajian yang dilakukan terhadap Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur.

Oleh hal yang demikian, kajian yang mengaitkan dengan bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian: berdasarkan pandangan *Malay Centric* masih belum didapati khususnya dalam konteks Malaysia. Pengumpulan sumber dan data yang diperolehi daripada sorotan kajian lepas yang dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan serta landasan oleh pengkaji terhadap analisis kajian yang akan dijalankan. Jika diteliti, kebanyakan pengkaji mengaplikasikan teori Pascakolonial untuk melihat kepengarangan dan sudut sejarah dalam penulisannya. Perkara yang akan dikenalpasti adalah berkaitan dengan aspek kepengarangan dan bentuk-bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur. Oleh itu, pada pengamatan pengkaji, kajian lanjutan hendaklah dilakukan untuk penambahbaikan bagi panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 PENGENALAN

Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi kajian adalah prosedur yang bersistematik dimana ia merangkumi aktiviti menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan kajian yang dijalankan bagi memastikan prestasi kajian penyelidikan dapat dicapai dengan baik dan sempurna. Sehubungan dengan itu, bab ini akan membahaskan berkenaan dengan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan teori yang akan digunakan dalam kajian secara terperinci.

## 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan dengan bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur berdasarkan pandangan *Malay Centric* dengan pendekatan teori Pascakolonial. Data kualitatif merangkumi analisis dalam bentuk dokumen, tekstual dan teoritikal. Analisis dilakukan terhadap bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur kajian berdasarkan pandangan *Malay Centric* dan bahan bertulis meliputi keseluruhan dokumen atau petikan, jurnal, tesis dan disertasi, buku-buku rujukan dan teks-teks ilmiah serta sumber yang bersesuaian dalam internet sebagai rujukan dan kaedah kepustakaan.

Analisis dokumen yang dilakukan ialah pecahan kepada proses pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan teks iaitu teks Kisah Pelayaran Abdullah. Kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen akan memperoleh maklumat yang releven kepada aspek yang hendak dikaji. Analisis tekstual meliputi pemahamman dilakukan terhadap teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur berdasarkan luaran dan dalaman teks. Bagi analisis teoritikal pula meliputi kajian aplikasi teori dalam proses penelitian yang dilakukan oleh pengkaji. Secara konklusinya, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif untuk mencapai objek-objekif yang telah ditetapkan dalam kajian.

## 3.3 PROSES PENGUMPULAN DATA

Data kualitatif berbentuk deskriptif menurut Mohd. Majid Konting (2005) penyelidikan secara deskriptif akan membentuk sebuah penyelidikan yang tujuanya untuk menerangkan sesuatu keadaan yang sedang berlaku untuk menganalisis sesuatu bidang yang hendak dikaji. Penyelidikan secara deskriptif yang merupakan suatu bentuk tulisan berhubung dengan tingkah laku manusia yang boleh diamati sebagai proses pengumpulan data dalam kajian.

Data kualitatif diperolehi daripada bahan bertulis iaitu petikan atau keseluruhan dokumen, teks, dan sejarah. Dengan menggunakan keseluruhan bahan bertulis meliputi keseluruhan dokumen atau petikan, jurnal, tesis dan disertasi, buku-buku rujukan dan teks-teks ilmiah serta sumber yang sesuai dalam internet sebagai kaedah kepustakaan. Analisis dokumen yang dilakukan ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan teks. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang releven kepada aspek yang hendak dikaji.



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 3.3.1 Kepustakaan

Analisis terhadap bentuk-bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian berdasarkan: pandangan *Malay Centric* akan dilakukan dalam meneliti dokumen-dokumen berkaitan dengan tajuk kajian melalui buku, tesis, jurnal, kerja-kerja seminar, artikel akhbar dan majalah, laman sesawang dan data bertulis yang lain. Maklumat diperoleh dari beberapa perpustakaan khususnya Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan Perpustakaan Awam Kepala Batas. Menerusi kajian ini, sumber internet digunakan sebagai rujukan dalam pencarian terhadap maklumat dan data mengenai bentuk-bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian berdasarkan: pandangan *Malay Centric*. Antara laman sesawang yang diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian adalah laman sesawang Scholar, Academia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Reseaechgate.net. Rujukan daripada sumber internet yang dilakukan dapat membantu dalam mendapatkan maklumat yeng lebih menyeluruh dan terkini mengenai kajian. Melalui pengaksesan tehadap laman sesawang rujukan terhadap tesis-tesis pengkaji terhahulu mengenai kajian dapat dikenal pasti. Artikel-artikel berkaitan dengan kajian sama ada dari aspek kritikan, Abdullah Munsyi, teori Pascakolonial, Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur dan *malay centric* dapat diakses.

### 3.3.2 Tinjauan Soal Selidik

Soal selidik dijalankan secara rawak ke atas 60 responden di kalangan kumpulan sasaran iaitu pelajar elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan dan pelajar yang lahir dan tinggal di sekitar Pahang, Terengganu dan Kelantan. Soal selidik ini dilakukan dengan menggunakan rangkaian *Google Form* dan disebarkan menerusi aplikasi *WhatsApp* untuk mendapatkan respon daripada kelompok responden yang digariskan. Data kuantitatif iaitu data



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

yang diperolehi daripada responden melalui skala likert yang digunakan dalam item soal selidik. Data yang diperolehi merupakan dapatan kajian yang akan dihuraikan dalam bentuk frekuensi dan peratus serta minimum dan maksimum.

## 3.4 KAEDAH ANALISIS DATA

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan dimana data yang telah dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab kepada rumusan permasalahan. Kaedah tematik melalui pengurusan data atau maklumat dan tafsiran teks digunakan dan dibahagikan kepada beberapa kaedah yang berketepatan dengan analisis kajian.

### 3.4.1 Kaedah Analisis Dokumen

Analisis dokumen adalah pecahan kepada kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan dan digambarkan. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang paling mudah dan releven kepada isu dan permasalahan yang hendak dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar berlaku penipuan. Antara dokumen yang akan digunakan adalah diari, jurnal, teks, buku rujukan, petikan, tesis dan disertasi, dan teks-teks ilmiah. Dalam kajian ini teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur merupakan teks utama yang akan dinalisis manakala selebihnya adalah kajian-kajian lepas, jurnal dan tesis yang berkaitan dengan Abdullah Munsyi dan juga Kisah Pelayaran Abdullah.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 3.4.2 Kaedah Analisis Tekstual

Analisis tektual ialah analisis yang dilakukan ke atas sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan luaran dan dalaman teks. Terdapat dua bentuk analisis tekstual sebagai mana yang dijelaskan oleh Sumarlam, (2008) iaitu analisis dari aspek tatabahasa dan makna. Analisis tatabahasa adalah analisis dari segi struktur ayat yang digunakan termasuklah penggunaan kata ganti nama, penggunaan kalimah yang sama makna, penggunaan penanda wacana dan sebagainya. Analisis wacana digunakan dan penyelidikan kualitatif lain menggunakan teks merupakan sebahagian unit analisis tekstual. Aspek kedua ialah aspek makna atau leksikal, yang mana ianya meliputi makna disebalik sesuatu ungkapan. Dalam kajian ini teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur merupakan teks utama yang akan dinalisis secara tekstual.

### 3.4.3 Kaedah Analisis Teoritikal

Analisis teoritikal merupakan kajian aplikasi teori dalam proses penelitian yang dilakukan oleh pengkaji. Proses penentuan teori yang sesuai dengan topik memerlukan kebolehan yang khusus daripada pengkaji. Penyusunan atau pemilihan teori dilakukan pada awal kajian yang hendak dilakukan sejak awal menetapkan tajuk kajian dalam penelitian. Teori merupakan penjelasan atau hal yang menjelaskan tentang sesebuah sistem yang mendefinisikan bagaimanasa sesuatua kejadian atau fenomena terjadi dan mengapa ianya terjadi. Dalam kajian ini teori Pascakolonial digunakan dalam penelitian terhadap bentuk-bentuk kritikan yang terkandung dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian berdasarkan: pandangan *Malay Centric*.

### 3.5 TEORI PASCAKOLONIAL

Kajian ini mengaplikasikan teori Pascakolonial bagi menyokong dan mengukuhkan analisis berkaitan dengan bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian: berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Pengkaji menggunakan kaedah senarai semak bagi megenalpasti ciri-ciri dan membuat analisis berkaitan dengan maklumat yang diperoleh berdasarkan pendekatan teori Pascakolonial. Azizi (2003) menyatakan teori Pascakolonial adalah kesusasteraan yang membawa pandangan *subversive* terhadap penjajah dan penjajahan. Pascakolonial secara jelas merujuk kepada tingkah laku dan amalan-amalan yang berkaitan dan menggugat hierarki sosial, struktur kekuasaan, dan wacana kolonialisme.

Pendekatan pascakolonial terhadap kajian sastera membincangkan bagaimana teks sastera dengan pelbagai cara menunjukkan jejak pertemuan pascakolonial, iaitu konfrontasi antara bangsa, bangsa, dan budaya di keadaan hubungan kuasa yang tidak sama, yang telah menjadi sebahagian daripada kepentingan pengalaman awal manusia sejak zaman imperialisme Eropah (Foulcher, 2008: 1-2).

Teori Pascakolonial menjelaskan bagaimana suatu teks mempunyai dasar fikiran kekuatan kolonial, atau bagaimana teks-teks tesebut mengedepankan kesan kolonialisme. Oleh itu, suatu kajian terhadap bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian: berdasarkan pandangan *Malay Centric* wajar dilakukan menggunakan pendekatan teori Pascakolonial bagi menggambarkan bentuk penjajahan yang diceritakan oleh pengarang Munsyi Abdullah dalam karyanya iaitu Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur. Kajian berpandukan teori Pascakolonial akan dirungkaikan berdasarkan aspek pemikiran, kepercayaan, falsafah, budaya, nilai dan pengalaman masyarakat pantai timur dengan lebih



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

jelas dan tepat kerana karya tersebut mengandugi kronologi dari sudut sejarah yang menyingkap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pada ketika itu.

Menurut Lo dan Helen (2007), dalam teori Pascakolonial mengandungi tiga bentuk pilihan yang hendak diberikan tumpuan, pertama adalah pada kebudayaan masyarakat yang pernah mengalami penjajahan dari Eropah, baik berupa kesan penjajahan yang masih berlangsung sampai pada masa pascakolonial mahupun kemungkinan transformainya ke dalam bentuk yang disebut neokolonialisme iaitu dalam negara ataupun global. Kedua adalah tindak balas berkaitan dengan perlawanan atau perbahasan daripada masyarakat yang terjajah mahupun yang lainnya terhadap penjajahan itu, tanpa menghilangkan perhatian pada kemungkinan adanya ambiguistas atau ambivalens. Terakhir adalah segala bentuk marginaliti yang diakibatkan oleh segala bentuk kapitalisme. Teori ini mengkaji tentang kesahihan budaya yang berhubung dengan prinsip kolonial. Dimana Pascakolonial merupakan satu identiti bagi kajian femenisme yang meliputi bidang kajian kemanusiaan yang lebih luas.

Menurut R. Setiawan (2018) teori pascakolonialisme terbahagi kepada beberapa bahagian seperti Orientalisme, Identitas, Subalternitas, Politik Spasial, Realisme Magis, dan Sastra Perjalanan. Mishra dan Hodge (1994) menyatakan bahawa Teori pascakolonial merupakan teori yang memberi tumpuan kepada karya-karya berbentuk tentangan yang lahir di negara-negara bekas tanah jajahan selepas mencapai kemerdekaan. Pendekatan teori pascakolonial akan memperlihatkan pelbagai cara penjajah barat untuk memasukkan ideologi kolonial terhadap bangsa yang di jajah. Teori ini memberi perhatian kepada perkara yang disebut sebagai budaya pribumi yang merupakan budaya tertindas dari kuasa kolonialisme, juga teori ini berkaitan dengan perwakilan bangsa, etnik dan pembentukan sebuah negara-



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

bangsa. Menurut Edward Said, orientalisme merupakan gaya Barat untuk mendominasi, mengambil kembali dan menguasai Timur. Orientalisme juga adalah titik permulaan untuk pascakolonial berkembang daripada penduduk yang dijajah. Orientalisme, dalam pandangan Edward Said, dapat dilihat secara ringkas sebagai suatu cara pandangan Barat terhadap timur sehingga wacana di dalamnya mengandung kekuasaan kolonial terhadap bangsa Timur, pandangan tersebut melihat, membayangkan, menekankan, membesar-besarkan dan memtarbelitkan perbezaan antara masyarakat serta budaya Timur dengan bangsa Eropa Barat.

Umumnya, teori Pascakolonial mengungkapkan permasalahan yang tersembunyi yang terkandung dalam teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur disebalik kenyataan yang pernah terjadi. Dalam konteks kepengarangan, keberanian pengarang Munsyi Abdullah adalah sifat dan sikap keterbukaan yang dirasionalkan secara tekstual dan kontekstual dalam teks sehingga teks dan pengarangnya dilihat dan menampakkan memberi impak ke atas persepsi, status quo dan konvensi sejarah pada ketika itu. Oleh itu, Pascakolonial merupakan teori yang akan menyingkap tindakan berani pengarang dalam melakukan sebuah tranformasi dalam penulisan serta curahan idea dalam karya beliau bagi mencerminkan ideolog, politik, sosial ekonomi dan budaya masyarakat Melayu pantai timur pada abad ke-19. Selain itu, dapat menonjolkan keunggulan diri seorang pengarang yang ingin dilihat berbeza dengan penulis-penulis lain kerana hikayat yang ditulis beliau merupakan suatu rakaman pengamalan sebenar kehidupan sosial masyarakat pantai timur pada zaman itu.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN




Rajah 3.1: Kerangka Metodologi

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN




Rajah 3.2: Kerangka Kajian

FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rajah 3.1 dan 3.2 merupakan kerangka metodologi dan kerangka kajian yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melihat kepada tiga aspek utama iaitu bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur dan kepengarangan Abdullah Munsyi terhadap masyarakat Melayu serta kepentingan kritikan sebagai sandaran kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu. Seterusnya, dari aspek metodologi kajian pula, kajian ini menggunakan kaedah deskritif berbentuk tinjauna bagi mengenalpasti dan mengkaji secara emprikal dan sistematik berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah analisis data dengan menggunakan kaedah kepustakaan, analisis dokumen, analisis teks dan *survey* (tinjauan) untuk mendapatkan kesahihan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan yang dijalankan. Kerangka metodologi dan kerangka kajian menunjukkan proses penyelidikan dilakukan dengan secara ringkas dan merujuk kepada tindakan yang dilakukan berhubung untuk mendapatkan kesahihan dalam kajian yang dilakukan.

## 1.3 KESIMPULAN

Dalam sesebuah penyelidikan, setiap langkah dalam melakukan penyelidikan haruslah dirangcang dan dilaksanakan secara bersistematik agar dapat menjayakan sesebuah penyelidikan. Dalam kajian ini penyelidikan dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui penyelidikan deskriptif  termasuklah reka bentuk kajian, proses pengmpulan data, kaedah analisis data dan kerangka metadologi serta kerangka kajian dalam kaedah kepustakaan untuk merungkaikan dengan lebih lanjut berkaitan dengan tajuk kajian yang telah ditetapkan iaitu bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur kajian: berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kaedah- kaedah yang dilakukan adalah bersesuaian untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan tajuk kajian dan menjad landasan kepada penyelidikan yang akan dilakukan mengikut perancangan penyelidikan sehingga berjaya.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# BAB 4

# ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

## 4.1 PENGENALAN

Pada bab ini akan diterangkan secara terperinci analisis data yang telah dilakukan dan dapatan yng diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Kajian akan membingcangkan mengenai bentuk-bentuk kritikan yang terdapat dalam teks Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur. Malah aspek kepengarangan Abdullah Munsyi dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu juga akan dibincangkan. Selain itu, kajian juga akan mengetahui kepentingan kritikan sebagai sandaran kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu.

## 4.2 BENTUK-BENTUK KRITIKAN DALAM TEKS KISAH PELAYARAN ABDULLAH KE TIMUR.

Kisah Pelayaran Abdullah terkandung pelbagai bentuk kritikan yang menerangkan tanggapan atau stereotaip masyarakat pantai timur yang meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang. Abdullah Munsyi mencatat sesuatu kejadian dan keadaan kehidupan masyarakat Melayu pada abad ke-19 di tempat-tempat yang dilawati beliau ketika dalam rangka perjalanan menuju ke Kelantan. Semasa dalam perjalanan beliau sempat singgah di Pahang dan Terengganu kesempatan yang diperoleh digunakan oleh beliau untuk membukukan beberapa kritikan terhadap aspek sosiopolitik dan sosioekonomi serta pandangan beliau tentang kehidupan masyarakat Melayu di kawasan tersebut.

### 4.2.1 Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Perihal Sosiopolitik

Abdullah Munsyi mengkritik tindakan raja-raja Melayu yang zalim terhadap rakyat, perkara ini tercatat dalam naskah Kisah Pelayaran Abdullah. Beliau mencatatkan tentang pemerintah iaitu raja dan pembesar yang memerintah secara mutlak.

> "*Maka pada sangka sahaya, inilah sebabnya menjadi miskin negeri Pahang itu. Maka sekalian orang yang duduk dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang-orang besar. Maka adalah fikiran mereka itu, 'Apa guna rajin kita itu? Maka jikalau mendapati sedikit wang atau makanan, nescaya dilobakan dan dirampas oleh orang besar itu … Sekalian orang yang duduk dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar. Maka adalah fikiran mereka [rakyat] itu, 'Apa guna rajin kita itu? Jikalau kita mendapat sedikit wang atau makanan, nescaya diloba dan dirampas oleh orang besar itu.' Maka sebab itulah tinggal mereka itu dalam miskin dan malas dalam sepanjang umurnya. Maka tetaplah fikiran saya, inilah sebabnya negeri itu tiada boleh orang mendapat kesentosaan dalamnya, kerana kurang baik pemerintahnya. Maka sekalian perkara yang tersebut ini telah datang dari sebab kejahatan dan kebebalan raja-rajanya sahaja…*"

(Halaman 52-54, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas Abdullah Munsyi telah mencatat mengenai kezaliman raja-raja Melayu berdasarkan petikan teks diatas. Raja di katakana zalim kerana setiap kehendak dan kemahuan tidak boleh dihalang dan dilarang kerana ia merupakan satu perintah yang tidak boleh dilanggar oleh rakyat walaupun perintah tersebut berupa kezaliman. Dengan sedemikian menyebabkan rakyat berasa takut untuk melakukan tindakan yang boleh memajukan diri. Abdullah mengkritik tindakan raja-raja Melayu yang bersikap zalim tanpa berasa ehsan kepada rakyat dengan menindas rakyat dan memimpin tanpa mengikut undang-undang yang sebetulnya.

Selain itu, kezaliman raja-raja dan kerabatnya yang berkelakuan mengikut hawa nafsu semata-mata tanpa menghiraukan akan pahala dan dosa.

> *"Setelah Sultan Mahmud mangkat, entah dari mana datangnya... dua tiga orang anak raja di Padang. Setelah sampai di pantai, disuruhnya orang membawa tombaknya ke darat untuk meminta beras, ayam, dan barang-barang lain yang dikehendakinya … Apabila mendengar nama raja atau anak raja, dengan*

*gementar tulangnya, mereka serahkan sebarang kehendaknya tanpa bayaran… Barang yang ditemuinya diambil seperti barang sendiri. Mereka seperti penyamun… Anak raja yang tidak tahu malu dan takut kepada Allah dan makhluk kerana makan barang haram, berbuat sesuka hatinya… Ada pula kelakuan seperti binatang, mengejar dan memperkosa anak-anak perempuan… Ada satu lagi perkara pelik kedengaran. Ada raja yang membuat satu adat, bukannya adat orang Islam atau adat bangsa-bangsa lain di dunia, melainkan adat iblis ataupun adat hawa nafsu yang jahat. Raja-raja itu mengambil anak-anak dara orang kebanyakan untuk dijadikan gundik dengan paksa, tiada reda perempuan itu, apalagi ibu bapanya… Dengan paksa perempuan itu dibawa ke rumahnya. Dipanggilnya khatib atau lebai-lebai yang bebal dalam hukum agama Islam dan tamakkan upah. Disuruh oleh raja nikahkan perempuan itu dengan keris raja. Adakah nikah itu sah?...*"

(Halaman 330-338, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas Abdullah Munsyi mendedahkan perlakuan sebenar golongan pemerintah yang berkelakuan jahat. Golongan tersebut dengan sewenag-wenagnya menindas dan berlaku zalim terhadap masyarakat Melayu. Wanita-wanita Melayu dan kanak-kanak perempuan juga tidak terlepas ditangkap sesuka hati untuk dibawa pulang dan dijadikan hamba atau gundik mereka jika mereka sudah berkenan di hati. Rakyat juga diperas ugut dan dijadikan hamba tanpa belas kasihan, segala harta benda rakyat dirampas sedangkan rakyat ketika itu miskin terus miskin. Jika sesiapa sahaja yang menginkari arahan mereka maka akan terus dibunuh tanpa munasabah. Rakyat ketika itu hidup dalam ketakutan kerana gangguan daripada golongan pemerintah yang zalim dan suka menindas rakyat.

Seterusnya, sewaktu Abdullah Munsyi berada di Kelantan, keadaan politik berada dalam status tidak stabil kerana perebutan jawatan Sultan Kelantan pada ketika itu kosang kerana kemangkatan Sultan Muhammad I.

*"... takkala marhum ayah saya hendak mangkat, seorang pun tiada dijadikannya gantinya dalam saya sekalian berempat anak laki-laki melainkan pesannya berperanglah engkau sekalian, barang siapa yang menang, ialah yang menjadi Yang di Pertuan Kelantan ini..."*

(Halaman 80, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas tindakan Sultan yang menwasiatkan untuk diadakan satu peperangan bagi merebut takhta pemerintahan baginda menyebabkan Abdullah Munsyi



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

mencatatkan keadaan dimana berlakunya perebutan takhta disebabkan wasiat yang ditinggalkan oleh Sultan ketika itu. Abdullah tidak bersetuju dengan tindakan Sultan yang meninggalkan wasiat sedemikian kerana keadaan politik akan terjejas disebabkan perebutan kuasa yang berlaku. Abdullah juga menyifatkan pemerintah ketika itu kurang ilmu pengetahuan tentang pemerintahan yang adil dan saksama. Abdullah juga menyatakan bahawa seorang peimpin yang berwibawa akan menggubal undang-undang yang tidak berlandaskan nafsu semata-mata.

### 4.2.2 Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Perihal Sosioekonomi

Abdullah Musyi banyak mengkritik perihal kehidupan orang Melayu yang berada dalam keadaan naif dan daif ketika beliau memijak ke bumi Tanah Melayu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

*"...rumah-rumah tempat diam mereka itu semuanya atap; ada yang kecil ada yang besar; semuanya rumah itu di atas darat. Maka terlalu banyak semak-semak pada keliling rumahnya, lagi tiada dengan peraturan rumah-rumahnya, sebuah di sini dan sebuah di sana. Ada yang dalam hutan, ada yang dipantai; ada yang berpagar, ada yang tiada; masing-masing dengan sukanya. Demikianlah sepanjang sungai itu, setompok di sini, setompok di sana. Dan lagi terlalu banyak kotor di bawah rumahnya. Maka tiap-tiap di bawah rumah itu banyak limbahan di bawahnya. Dan sampah bertimbun-timbun. Serta masuk, maka penuhlah bau busuk itu ke dalam hidung. Dan yang ada semak-semak dan yang sehari-hari dibubuhnya asap dari bawah rumahnya mengasap nyamuk. Maka apabila sahaya masuk ke rumah itu, lemaslah nafas dan berairlah mata serta dengan pedihnya. Dan pakaian mereka itu semuanya habis hitam dan tiada kelihatan mata kainnya itu adanya..."*

(Halaman 20, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas Abdullah Munsyi mencatat perihal kehidupan masyarakat Melayu di Pahang yang penuh kedaifan. Beliau berpendapat bahawa perkara sebegitu terjadi disebabkan rakyat yang hidup dengan penuh ketakutan kerana sentiasa diugut dan dirampas wang ringgit serta gangguan daripada pembesar. Keadaan rumah yang dibina tidak sama ada yang berbunbung, ada yang berpagar, ada yang besar dan ada yang kecil. Rumah



FTKW

juga dibina dengan tidak teratur dan berkelompok ada yang di darat, di pulau-pulau dan didalam hutan. Hal ini berlaku kerana masyarakat Melayu di negeri Pahang hidup dalam kemiskinan akibat ditindas oleh golongan pemerintah.

Dalam pada itu, terdapat juga keadaan pakiaan masyarakat Melayu yang dicatat oleh Abdullah ketika beliau sampai di negeri Terengganu.

*"...dan lagi seperti memakai pakaian yang penuh dengan kotor dan daki, empat lima bulan yang tiada dibasuh kain bajunya, serta dengan bau busuk bajunya, penuh dengan tuma, sambil duduk sambil menindas tuma..."*

(Halaman 42, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas Abdullah mencatat perihal pakaian kebanyakan penduduk Terengganu yang dikatakan memakai pakaian yang kotor dan busuk dan kadangkala pakaian mereka dipenuhi dengan tuma (kutu). Hal ini kerana kesibukan masyarakat Melayu ketika itu yang hanya sibuk mencari punca rezeki tanpa menghiraukan akan kebersihan diri dan pakaian menyebabkan mereka terus hidup dalam keadaan yang kotor.

Seterusnya, Abdullah Munsyi mengkritik sikap masyarakat Melayu yang tiada kesungguhan dalam menitik beratkan pendidikan dan tidak menguasai bahasa Melayu.

*"... dalam negeri Terengganu itu, tiadalah tempat orang mengajar bahasa Melayu, melainkan ada enam tujuh anak-anak dalam satu-satu rumah mengaji Qur'an sahaja ... adalah sedikit saja di antara mereka yang pandai menulis; lagipun bagus bekas tangannya menulis Arab, seperti Qur'an dan kitab-kitab bahasa Arab, maka jarang yang dalam bahasa Melayu."*

(Halaman 27-28, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas hanya yang terdapat segelintir pemuda yang belajar mengaji Al-Quran dan bahasa Arab namun, bahasa Melayu juga diabaikan. Oleh hal yang

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

demikian menyebabkan terdapat sebahagian masyarakat yang tidak mampu untuk menulis dengan baik dan lahir penduduk yang majoritinya buta huruf.

Di samping itu, Abdullah Munsyi juga menyebut mengenai masyarakat Melayu yang malas berusaha.

*"...tetapi laki- lakinya semuanya malas, dengan makan tidur dan membaiki senjata, itulah kerjanya orang yang dalam negeri itu. Bermula saya lihat hal orang- orang dalam negeri itu miskin belaka, lagi dengan kelakuan malas dan malas sepanjang hari."*

(Halaman 33, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas sikap malas orang Melayu berpunca daripada raja dan pembesar yang suka memeras ugut rakyat jika dilihat rakyat mempunyai lebihan wang ringgit akan di rampas sesuka hati. Golongan pemerintah ketika itu sewenag-wenangnya mengambil hak rakyat, hal ini menyebabkan rakyat berasa seolah-olah pekerjaan mencari rezeki dan mengumpul wang hanya untuk berbakti kepada raja semata-mata. Oleh hal yang demikian menyebabkan rakyat berasa kecewa dan menjadi pemalas serta tidak mahu bekerja keras demi mengubah kehidupan mereka.

Seterusnya, Abdullah Munsyi mengkritik orang Melayu yang tidak mementingkan bahasa mereka sendiri.

*"...orang Melayu ini belum sedar akan dirinya , ia tinggal dalam bodohnya oleh sebab tiada mahu belajar bahasanya sendiri"*

(Halaman 136, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas bahasa Melayu diabaikan oleh orang Melayu sendiri kerana orang Melayu ketika itu masih lagi tidak dapat melihat kepentingan bahasa Melayu sedangkan ianya merupakan khazanah yang amat penting untuk dipertahankan. Di samping itu, bahasa Melayu menjadi antara bahasa terpenting yang digunakan oleh pelbagai lapisan



FTKW

masyarakat dalam menjalankan pelbagai urusan harian. Masyarakat Melayu pada katika itu lebih berminat dan ghairah dalam mempelajari bahasa Arab yang dikatakan dapat digunakan di dunia dan juga diakhirat kelak. Hal ini disebabkan oleh pengaruh Islam yang mula bertapak di Tanah Melayu ketika itu. Abdullah tidak bersetuju dengan tindakan masyarakat Melayu ketika itu menyebabkan beliau mengkritik perlakuan pengabaian bahasa Melayu oleh masyarakat melatu ketika itu.

Jelaslah bahawa Abdullah Munsyi telah melakukan beberapa kritikan dan tanggapan beliau berkenaan dengan keadaan fizikal kehidupan masyarakat Melayu, perwatakan raja dan pembesar serta orang Melayu, tempat tinggal yang orang Melayu, sikap tidak menghormati bahasa dan kepentingan menuntut ilmu dan perilaku-perilaku buruk pemimpin bangsa Melayu. Abdullah Munsyi telah membawa sebuah pembaharuan dalam penulisan dari segi isi dan bentuk penulisan beliau yang sudah menyimpang jauh dari tradisi sebelumnya. Beliau menggunakan pengalaman dan penelitian terhadap perihal kehidupan masyarakat Melayu untuk membukukannya. Abdullah Munsyi melakukan kritikan tersebut untuk menyedarkan bangsa Melayu untuk tidak terus duduk di bawah tempurung dan belajar untuk memajukan diri dan kehidupan yang sedia ada.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.3 KEPENGARANGAN ABDULLAH MUNSYI TERHADAP MASYARAKAT MELAYU

Kelebihan seorang pengarang akan dilihat menerusi buah fikiran baharu yang berani dibawa oleh pengarang dalam penulisannya, juga teknik dalam penulisan yang baharu, cara beliau membina dan mengolah idea secara tersendiri dan mempunyai satu bentuk perubahan yang akan menjadikannya luar biasa pada pandangan khalayak (Abdul Halim Ali, 2015).

Kehandalan pengarang dalam bidang kepengarangannya secara jelasnya dilihat melalui diri pengarang itu sendiri apabila beliau mempunyai kriteria yang baik dalam bidang ilmu yang dimilikinya, keintelektual, bersemangat menghakis bakat yang dimiliki dan berkebolehan dalam semua bidang ilmu. Malah, pengarang yang unggul juga dapat membentangkan pelbagai aspek dalam pelbagai bidang ilmu bersama-sama sebuah fikiran dan takrifan serta pandangan yang baharu sehingga beliau dapat mencapai tahap yang agung. Keunggulan kepengarangan dilihat pada pengarang yang dengan jayanya memperkenalkan keaslian, keintelektualan dan kebolehan berfikir secara kreatif dan inovatif malah beliau juga mampu menampilkan sebuah gambaran atau identitinya yang tersendiri melalui setiap karya yang dihasilkan.

### 4.3.1 Pengaruh Kolonial Dalam Kepengarangan Abdullah Munsyi

Abdullah Munsyi juga dikatakan tokoh terawal yang keluar daripada tradisi kesusasteraan Melayu. Hal ini disebabkan kebiasaan pengarang sezaman beliau pada kebanyakkanya menulis mengenai kebesaran raja dan kehebatan istana sedangkan Abdullah Munsyi sangat lantang dalam menyuarakan dan mengriktik perihal-perihal bangsa Melayu termasuklah sistem monarkinya. Abdullah Munsyi membuat kritikan-kritikan tersebut kerana hubungan rapatnya dengan kolonial. Hal ini kerana beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Stamford Raffles dan ramai pegawai Inggeris yang sering berada di sekitar beliau pada ketika



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

itu. Umum ketahui hubungan yang rapat itu terjalin disebabkan Abdullah Munsyi yang bertugas sebagai jurutulis dan penterjemah kepada Raffles. Sewaktu Stamford Raffles datang ke Melaka, Abdullah telah dilantik sebagai juru tulis dan penterjemahnya. Oleh hal yang demikian, daripada hubungan seorang majikan dan pekerja, akhirnya menjadi sahabat karib. Abdullah ternyata mempunyai sikap yang rajin dan dedikasi yang terselah menerusi peribadi Abdullah dalam menjalankan setiap tugasan yang membuatkan Raffles menyenanginya.

Apabila Singapura dibuka, Abdullah menjadi juru tulis dan juru bahasa Raffles, beliau bertanggungjawab dalam menulis undang-undang Singapura atas arahan Raffles. Oleh yang demikian hubungan yang terjalin diantara Abdullah dan persekitaran kolonial sedikit sebanyak telah meresap masuk kedalam diri Abdullah berkenaan dengan kehidupan orang Inggeris.

*"…Dan lagi, sahaya memohonkan ampun; maka ada-lah sahaya ini telah biasa dalam 'adat2 Inggeris. Maka 'adat itu meluluskan yang boleh sahaya menegorkan kelakuan raja2 yang tiada berpatutan, dengan tiada kena hukum bunoh atau rampas,…"*

(Halaman 110, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas menunjukkan Abdullah Munsyi menggunakan cara kritikan seperti orang Barat. Melalui petikan tersebut juga terselah gaya penulisan Abdullah Munsyi yang mengkritik institusi raja Melayu berlandaskan cara penulisan Barat. Dengan itu, beliau tanpa rasa malu mengakui dan mengikuti budaya Barat daripada Melayu kerana pengaruh kolonial itu telah meresap kedalam gaya penulisan dan kehidupan beliau. Dengan itu, Abdullah Munyi merupakan seorang travelog dan seorang wartawan yang menulis setiap perkara yang berlaku disekelilingnya dengan baik dan tajam. Beliau sangat jujur dalam penulisannya kerana tidak menyorokkan sisi-sisi gelap masyarakat Melayu pada zaman itu.

Sikap Abdullah Munsyi yang memandang rendah terhadap budaya dan bangsanya berlaku disebabkan kesan pengaruh kolonial tersebut. Penulisan dan piawaian Abdullah Munsyi terhadap nilai yang diberikan kepada orang Melayu adalah berdasarkan apa yang dilihatnya pada Inggeris, sekali gus mempengaruhi pemikiran dan tindakannya sehingga mengkritik orang Melayu dan institusi raja ketika itu. Jelas sekali menunjukkan Abdullah Munsyi sememang berfikir secara terbuka dan berterus-terang tetapi sikap pandang rendah kepada budaya dan bangsa menunjukkan pengaruh kolonial telah meresap ke pemikirannya.

Oleh hal yang demikian, pemikiran Abdullah telah meletakan beliau dalam konteks kolonial di saat melihat keruntuhan negeri-negeri Melayu pada abad ke-19. Hal ini kerana sikap terpegungan Abdullah terhadap “orang putih” menyebabkan beliau telah melakukan kupasan yang kurang berlapik menegur dan mengkritik masyarakat Melayu pada masa itu. Jelas menunjukkan bahawa kepengarangan Abdullah Munyi dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu pada ketika itu bertitik tolak daripada pengalamannya yang melihat kemajuan yang dicapai oleh Inggeris ketika itu. Oleh itu, pengaruh kolonial yang meresap ke dalam diri beliau menyebabkan beliau dengan beraninya melakukan kritikan yang tajam kepada masyarakat Melayu dalam kepengarangan Kisah Pelayaran Abdullah.

### 4.3.2 Kepengarangan Abdullah Munsyi Mengkritik Masyarakat Melayu

Kepengarangan Abdullah Munsyi dalam karya Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur telah membuktikan pemikiran beliau dalam menghasilkan kritikan-kritikan berdasarkan pengalaman beliau semasa berlayar ke Kelantan, Terengganu dan Pahang. Aspek kritikan terhadap masyarakat Melayu yang mempengaruhi dunia kepengarangan Abdullah Munsyi. Sebuah karya beliau terbit rentetan daripada pengalaman dan latar belakang kepengarangan yang



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

merentasi kehidupan pengarang Abdullah Munsyi. Kepengarangan Abdullah Munsyi yang dikatakan bersifat lantang dalam mengkritik dan menegur institusi raja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu pada

#### 4.3.2.1 Aspek Sosial

Abdullah Munsyi mengkritik perilaku-perilaku masyarakat Melayu yang tidak mahu menerima pendidikan yang baru dan tidak menghiraukan kepentingan bahasa Melayu.

> *"…Maka apabila kebanyakan kelak orang yang telah pandai dan mengetahui kesedapan bahasa dan rahasia-nya, maka bertambah-tambah pula beberapa keelokan dan tertib serta adab pada barang kelakuan-nya, istimewa pula bagi segala raja2 dan orang besar2 dan pegawai2 memeliharakan bahasa itu serta ia mengusahakan mengajarkan dia kapada segala kaum keluarga-nya dan ra'yat sakai-nya. Maka jikalau kira-nya banyak anak2 raja2 dan orang yang pandai menulis dan membacha serta mengetahui akan erti-nya, dan mengarang, bukan-kah kemuliaan besar…"*

(Halaman 37-38, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas menunjukkan Abdullah Munsyi begitu bijak dalam nada mengkritik masyarakat Melayu yang tidak mementingkan ilmu. Beliau mengkritik sikap orang Melayu yang tidak mahu belajar ilmu dengan menlontarkan kata-kata yang menyentuh sensitif supaya menyedarkan masyarakat Melayu akan kepentingan menuntut ilmu untuk kemajuan dalam kehidupan mereka. Sikap orang-orang Melayu yang tidak mahu menerima ilmu baru seperti ilmu kira-kira dan elektrik sedangkan ia amat berharga dalam kehidupan seharian. Hal ini menyebabkan Abdullah Munsyi tidak suka akan pendirian orang Melayu ketika itu. Dengan itu, beliau mengkritik dengan pedas dan tajam kerana perasaan amarah beliau terhadap masyarakat Melayu yang tidak menghiraukan teguran beliau. Abdullah sangat terkilan dengan tindakan orang Melayu yang tidak mahu mendalami tentang bahasa Melayu



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dan menganggap bahasa Melayu tidak ada kepentigan untuk dipelajari. Abdullah Munsyi sangat terkenal dengan kebijaksanaan beliau dengan mengusai pelbagai bahasa antaranya bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris menyebabkan beliau memiliki keperibadian seorang yang cintakan ilmu dan bahasa.

FTKW

#### 4.3.2.2 Aspek Politik

Abdullah Munsyi mengulas dan mencatat tentang pemerintahan beraja yang kurang disenanginya. Pada ketika itu sistem pemerintahan di Tanah Melayu menggunakan Sistem pemerintahan beraja berkuasa mutlak.

*"Sehari-hari mengerjakan pekerjaan Raja, dan makan minum sahaya dan anak bini sahaya tiada diberinya, di atas sahaya sendiri juga. Dan lagi, baik perahu atau tanam-tanaman dan hidup-hidupan sahaya sekelian, jika dikehendaki Raja diambilnya sahaja dengan tiada harga. Dan lagi kalau ada harta dan anak perempuan yang baik-baik jikalau berkenan Raja, diambilnya juga. Tiada boleh ditahan kehendak Raja. Dan kalau ditahankan atau tiada diberi, disuruhnya tikam mati-mati sahaja". "Demikianlah halnya sahaya semua duduk di dalam negeri Melayu, seperti duduk di dalam neraka…"*

(Halaman 88, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berdasarkan petikan teks diatas jelas menunjukkan kezaliman golongan pemerintah bertindak menindas rakyat. Segala kemahuan dan kehendak mereka tidak boleh dihalang dan dilarang jika dilanggar maka akan dihukum oleh orang-orang raja dan pembesar. Hal ini demikian kerana konsep daulat menyebabkan kedudukan raja yang paling tinggi dan penentangan daripada rakyat dianggap menderhaka dan akan menerima kesusahan. Abdullah mengkritik rakyat Melayu yang terikat dengan pemerintahan yang kejam kerana penetapan peraturan dan pantang larang yang berat sebelah dan bersifat menindas golongan yang

diperintah. Abdullah Munsyi juga tidak bersetuju dengan tindakan orang Melayu ketika itu yang terlalu patuh kepada pemerintah.

Kebijaksanaan Abdullah Munsyi dalam mengkritik institusi beraja dan kehidupan masyarakat pada zaman tersebut mempengaruhi perasaan khalayak dan mengundang, merangsang serta mendorong kepada pengetahuan dan petunjuk dalam sesuatu tindakan. Abdullah Munsyi yang menggunakan penulisannya sebagai saluran penyampaian pesanan dan pandangan beliau terhadap institusi raja Melayu masyarakat Melayu sebagai elemen, mendidik, menasihati, dan menyedarkan serta menterjemah pandangan beliau tentang isu-isu semasa. Beliau dengan beraninya, jujur dalam penulisan dan berhikmah dalam menzahirkan perasaan, pandangan dan kritikanya terhadap sesuatu perkara yang tidak disenanginya.

#### 4.3.2.3 Aspek Ekonomi

Abdullah Munsyi mengambarkan status ekonomi tradisonal masyarakat Melayu ketika itu yang tidak kondusif. Sewaktu beliau singgah di Terengganu beliau hairan dengan kemahiran masyarakat Melayu ketika berada dilaut menjalankan aktiviti menangkap ikan sebagai punca pendapatan mereka.

*"Seorang pakar akan turun untuk meninjau tempat ikan berkumpul dengan mendengar bunyi serta pergerakan ikan. Jikalau betul-betul ada pun ikan makan barulah sekalian mereka akan meletakkan pukat atau melebarkan jala."*

(Halaman 52, *Kisah Pelayaran Abdullah*. 1981)

Berdasarkan petikan teks diatas Abdullah menceritakan dengan penuh kehairanan apabila sebuah perahu kecil nelayan boleh memuatkan 4 hingga 5 koyan ikan. Manakala bilangan nelayan yang berada di dalam perahu tersebut sebanyak 30 hingga 40 orang dalam satu-satu masa. Manakla perahu nelayan ketika itu berada di laut sekitar 15 atau 20 depa sahaja jarak dari pantai. Abdullah juga memerhati proses menangkap ikan.

Seterusnya, dalam perjalanan Abdullah menuju ke pasar Kg. Laut, Abdullah sempat memerhati sekumpulan wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan iaitu menjual kuih muih dan barangan keperluan lain. Abdullah menceritakan dengan jelas keadaan perdagangan yang berlaku ketika itu. Kebanyakan golongan wanita yang berniaga dipasar tersebut, mereka berniaga dengan menjunjung bakul diatas kepala dan datang dari perkampungan berdekatan. Abdullah mendapati banyak makanan, sayuran, buah-buahan dan haiwan ternakan dijual dengan harga yang murah (Kassim Ahmad, 1981).

Abdullah juga mengkritik tindakan masyarakat Melayu yang kebanyakannya seperti hamba abdi kerana tidak mahu meninggalkan amalan karut yang dipercayai mereka iaitu hanya golongan wanita keluar berdagang manakala golongan lelaki duduk dirumah. Jelas meunjukkan status ekomoni penduduk yang digambarkan melalui kegiatan jual beli di pasar Kg. Laut. Abdullah juga mengkritik urusan jual beli kerana bagi beliau tidak munasabah kerana menjual seekor kambing dengan hanya 1 Ringgit. Oleh hal yang demikian, sumber ekomoni masyarakat Melayu ketika itu melalui aktiviti jual beli.

Jelaslah bahawa kepengarangan Abdullah Munsyi memperlihatkan pemikiran keintelektualan dan ketajaman akal yang dimilikinya memyebabkan beliau dengan tajam mengkritik perilaku-perilaku masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu pada zaman itu. Setiap perkara dan peristiwa yang dijumpai dan dilihat sendiri oleh beliau tidak akan terlepas daripada kritikan jujur beliau. Melalui kepengarangan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke timur menyerlahkan kebijaksanaan beliau sebagai tokoh kesusasteraan yang banyak menyumbang kepada pembaharuan dalam bidang penulisan ketika itu kerana penulisan beliau telah mendahului zaman. Hal ini kerana penulisan beliau sangat berbeza



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

dengan karya-karya sastera lain yang hanya menceritakan perihal kehebatan, kemuliaan dan kesaktian golongan pemerintah namun Abdullah Munsyi menulis yang sebaliknya. Beliau dengan berani dan jujur serta telus menceritakan kebenaran tentang keburukan sikap dan perwatakan golongan tersebut.

## 4.4 KEPENTINGAN KRITIKAN SEBAGAI SANDARAN KEMAJUAN DAN PEMODENAN MASYARAKAT MELAYU

Pada bahagian ini, instrumen soal selidik melalui tinjauan yang dilakukan terhadap sasaran kumpulan responden iaitu daripada kalangan pelajar kesusasteraan warisan Universiti Malaysia Kelantan melalui aplikasi *Google Form* melalui rangkaian *WhatsApp*. Dapatan kajian ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi melihat frekuensi, peratus dan minimum serta maksimum bagi setiap soalan dalam instrumen untuk mencapai keputusan terhadap objektif kajian yang telah digariskan. Dapatan kajian ini juga dibentangkan dengan mudah dan jelas serta dipaparkan dalam bentuk jadual dan graf bagi memudahkan pemahaman serta penghuraian yang lebih berkesan kepada khalayak.

Berikut merupakan soalan kajian dan dapatan kajian yang digunakan dan didapati dalam kajian ini bagi menjawab kepada objektif kajian.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Soalan 1: Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu**




Rajah 4.1: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 2 | 3.3% |
| Setuju | 29 | 48.3% |
| Sangat setuju | 29 | 48.3% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.1: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu

Berdasarkan rajah 4.1 dan jadual 4.1 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi berperanan untuk pembangunan corak kemajuan masyarakat Melayu. Berdasarkan graf dan jadual diatas tiada responden memelilih sangat tidak setuju dan tidak setuju (0%), 2 orang responden memilih kurang setuju (3.3%), 29 orang responden memilih setuju dan sangat setuju (48.3%). Dapatan ini menunjukkan lebih 50% responden berpendapat bahasa kiritikan yang dilakukan oleh Abdullah berperaan untuk pembangunan corak kemajuan masyarakat Melayu.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Soalan 2: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang**




Rajah 4.2: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 1 | 1% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 3 | 5% |
| Setuju | 31 | 51.7% |
| Sangat setuju | 25 | 41.7% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.2: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang

Berdasarkan rajah 4.2 dan jadual 4.2 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk kesejahteraan masyarakat Melayu sekarang. Berdasarkan jadual diatas 1 orang responden memilih sangat tidak setuju (1%), 0 orang responden untuk tidak setuju (0%), 3 orang responden memilih kurang setuju (51.7%), 31 orang responden memilih setuju dan 25 orang responden memilih sangat setuju (41.7%). Dapatan menunjukkan lebih 50% responden memilih setuju dengan kenyataan bahawa kritikan Abdullah Munsyi untuk kesejahteraan masyarakat Melayu sekarang.

**Soalan 3: Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden**




Rajah 4.3: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 6 | 10% |
| Setuju | 24 | 40% |
| Sangat setuju | 30 | 50% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.3: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden

Berdasarkan rajah 4.3 dan jadual 4.3 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi mampu membina masyarakat Melayu yang maju dan moden. Berdasarkan jadual diatas sebanyak 0 orang responden tidak memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju (0%), 6 orang responden memlilih kurang setuju (10%), 24 orang responden memilih setuju (40%) dan 30 orang responden memilih sangat setuju (50%). Dapatan menunjukkan lebih 50% responden bersetuju dengan kenyataan kritikan Abdullah Munyi mampu membina masyarakat Melayu yang maju dan moden.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Soalan 4: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu**




Rajah 4.4: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 1 | 1% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 4 | 6.7% |
| Setuju | 25 | 41.7% |
| Sangat setuju | 30 | 50% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.4: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu

Berdasarkan rajah 4.4 dan jadual 4.4 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk mencetuskan pemikiran baharu mengenai masyarakat Melayu. Berdasarkan jadual diatas sebanyak 1 orang responden memilih sangat tidak setuju (1%), 0 orang responden tidak memilih tidak setuju (0%), 25 orang responden memilih setuju (41.7%), 30 orang responden memilih sangat setuju (50%). Dapatan menunjukkan lebih 50% orang responden bersetuju dengan kenyataan kritikan Abdullah Munsyi untuk mencetuskan pemikiran baharu mengenai masyarakat Melayu.

**Soalan 5: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya**




Rajah 4.5: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 5 | 8.3% |
| Setuju | 23 | 38.3% |
| Sangat setuju | 32 | 53.3% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.5: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya

Berdasarkan rajah 4.5 dan jadual 4.5 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk membolehkan masyarakat Melayu membaca dan memahami isi kadungannya. Berdasarkan jadual diatas tiada responden yang memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju (0%), 5 orang responden memilih kurang setuju (8.3%). 23 orang responden memilih setuju (38.3%), sebanyak 32 orang responden memilih sangat setuju (53.3%). Dapatan menunjukkan lebih 50% orang responden bersetuju bahawa kritikan yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi untuk membolehkan masyarakat Melayu membaca dan memahami isi kandungannya.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Soalan 6: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang**




Rajah 4.6: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 1 | 1.7% |
| Kurang setuju | 6 | 10% |
| Setuju | 24 | 40% |
| Sangat setuju | 29 | 48.3% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.6: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang

Berdasarkan rajah 4.6 dan jadual 4.6 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk pembinaan pembangunan dan corak kemajuan serta pemodenan yang baharu bagi masyarakat Melayu sekarang. Berdasarkan jadual tersebut tiada orang responden yang memilih sangat tidak setuju (0%), sebanyak 1 orang responden memilih tidak setuju (1.7%), 6 orang responden memilih kurang setuju (10%), 24 orang responden memilih setuju (40%) dan sebanyak 29 orang responden memilih sangat setuju. Dapatan menunjukkan lebih 50% orang responden memilih bersetuju dengan kenyataan kritikan Abdullah Munsyi untuk pembinaan pembangunan dan corak kemajuan serta asas pemodenan yang baharu bagi masyarakat Melayu sekarang.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Soalan 7: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu**




Rajah 4.7: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu.

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 1 | 1.7% |
| Kurang setuju | 6 | 10% |
| Setuju | 22 | 36.7% |
| Sangat setuju | 31 | 51.7% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.7: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu.

Berdasarkan rajah 4.7 dan jadual 4.7 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk memperjelaskan aspek-aspek terpenting dalam kemajuan masyarakat Melayu. Berdasarkan jadual diatas terdapat 0 orang responden yang memilih sangat tidak bersetuju (0%), 1 orang responden memilih tidak setuju (1.7%), 6 orang responden memilih kurang setuju (10%), 22 orang responden memilih setuju (36.7%) dan 31 orang responden memilih sangat setuju (51.7%). Dapatan menunjukkan lebih 50% responden bersetuju dengan kenyataan berkenaan dengan kritikan Abdullah Munsyi untuk memperjelaskan aspek-aspek terpenting dalam kemajuan masyarakat Melayu.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Soalan 8: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang**




Rajah 4.8: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 3 | 5% |
| Setuju | 32 | 53.3% |
| Sangat setuju | 25 | 41.7% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.8: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang

Berdasarkan rajah 4.8 dan jadual 4.8 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk mentafsir masyarakat Melayu dahulu demi pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu sekarang. Berdasarkan jadual diatas menunjukkan tiada orang responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju (0%), 3 orang responden memilih kurang setuju (5%), sebanyak 32 orang responden memilih setuju (53.3%) dan 25 orang responden memilih sangat setuju (41.7%). Dapatan menunjukkan lebih 50% responden bersetuju dengan kenyataan kritikan Abdullah Munsyi untuk mentafsir masyarakat Melayu dahulu demi pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu sekarang.



FTKW

**Soalan 9: Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu**




Rajah 4.9: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 1 | 1.7% |
| Kurang setuju | 2 | 3.3% |
| Setuju | 27 | 45% |
| Sangat setuju | 30 | 50% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.9: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu

Berdasarkan rajah 4.9 dan jadual 4.9 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi untuk memperbaiki corak kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu. Berdasarkan jadual diatas tiada orang responden memilih sangat tidak setuju (0%), sebanyak 1 orang responden memilih tidak setuju (1.7%), 2 orang responden kurang setuju (3.3%), 27 orang responden setuju (45%) dan 30 orang responden memilih sangat setuju (50%). Dapatan menunjukkan lebih 50% responden bersetuju dengan kenyataan kritikan Abdullah Munsyi untuk memperbaiki corak kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu.



FTKW

**Soalan 10: Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang**




Rajah 4.10: Taburan Persepsi Responden Mengenai Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang

| | Frekuansi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat tidak setuju | 0 | 0% |
| Tidak setuju | 0 | 0% |
| Kurang setuju | 7 | 11.7% |
| Setuju | 21 | 35% |
| Sangat setuju | 32 | 53.3% |
| Jumlah | 60 | 60% |

Jadual 4.10: Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang

Berdasarkan rajah 4.10 dan jadual 4.10 diatas menunjukkan taburan, frekuansi dan peratus berdasarkan persepsi responden mengenai kritikan Abdullah Munsyi merupakan suatu aktiviti untuk mendorong kearah kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu sekarang. Berdasarkan jadual diatas tiada responden memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju (0%), sebanyak 7 orang responden memilih kurang setuju (11.7%), 21 orang responden memilih setuju (35%) dan 32 orang responden memilih sangat setuju (53.3%). Dapatan menunjukkan 50% responden bersetuju bahawa kritikan Abdullah Munsyi merupakan suatu aktiviti untuk mendorong kearah kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu sekarang.

| BIL | SOALAN | STS | | TS | | KS | | S | | SS | | JUMLAH | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | F | P (%) | F | P (%) | F | P (%) | F | P (%) | F | P (%) | F | P (100%) |
| **1.** | Kritikan Abdullah Musyi Berperanan Untuk Pembangunan Corak Kemajuan Masyarakat Melayu | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 3.3 | 29 | 48.3 | 29 | 48.3 | 60 | 60 |
| **2.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Kesejahteraan Masyarakat Melayu Sekarang | 1 | 1 | 0 | 0 | 3 | 5 | 31 | 51.7 | 25 | 41.7 | 60 | 60 |
| **3.** | Kritikan Abdullah Musnyi Mampu Membina Masyarakat Melayu Yang Maju Dan Moden | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 | 10 | 24 | 40 | 30 | 50 | 60 | 60 |
| **4.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mencetuskan Pemikiran Baharu Mengenai Masyarakat Melayu | 1 | 1 | 0 | 0 | 4 | 6.7 | 25 | 41.7 | 30 | 50 | 60 | 60 |
| **5.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Membolehkan Masyarakat Melayu Membaca Dan Memahami Isi Kandungannya | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 8.3 | 23 | 38.3 | 32 | 53.3 | 60 | 60 |
| **6.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Pembinaan Pembangunan Dan Corak Kemajuan Serta Asas Pemodenan Yang Baharu Bagi Masyarakat Melayu Sekarang | 0 | 0 | 1 | 1.7 | 6 | 10 | 24 | 40 | 29 | 48.3 | 60 | 60 |
| **7.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperjelaskan Aspek-Aspek Terpenting Dalam Kemajuan Masyarakat Melayu | 0 | 0 | 1 | 1.7 | 6 | 10 | 22 | 36.7 | 31 | 51.7 | 60 | 60 |
| **8.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Mentafsir Masyarakat Melayu Dahulu Demi Pembangunan Dan Kemajuan Masyarakat Melayu Sekarang | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 5 | 32 | 53.3 | 25 | 41.7 | 60 | 60 |
| **9.** | Kritikan Abdullah Munsyi Untuk Memperbaiki Corak Kemajuan Masyarakat Melayu Pada Ketika Itu | 0 | 0 | 1 | 1.7 | 2 | 3.3 | 27 | 45 | 30 | 50 | 60 | 60 |
| **10.** | Kritikan Abdullah Munsyi Merupakan Suatu Aktiviti Untuk Mendorong Kearah Kemajuan Dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sekarang | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 | 11.7 | 21 | 35 | 32 | 53.3 | 60 | 60 |

Jadual 4.11 Ringkasan Analisis Frekuansi Dan Peratus Persepsi Responden Berdasarkan Kepentingan Kritikan Sebagai Sandaran Kemajuan Dan Pemodenan Masyarakat Melayu

Jadual 4.11 menunjukkan ringkasan analisis frekuansi (F) dan peratus (P) responden berdasarkan pilihan skala sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Setelah mengenal pasti persepsi responden terhadap kepentingan kritikan sebagai sandaran terhadap pembangunan corak kemajuan atau asas pemodenan masyarakat Melayu. Analisis daripada soalan responden majoriti daripada responden bersetuju bahawa kritikan Abdullah Musyi berperanan untuk pembangunan corak kemajuan masyarakat Melayu pada abad ke-19. Selain itu kritikan yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi adalah untuk kesejahteraan masyarakat Melayu sekarang dan kritikan tersebut mampu membina masyarakat Melayu yang maju dan moden untuk masa hadapan. Dalam pada itu, kritikan Abdullah Munsyi secara jelasnya untuk mencetuskan pemikiran baharu mengenai masyarakat Melayu ketika itu demi perubahan yang di inginkannya. Di samping itu, kritikan Abdullah Munsyi untuk membolehkan masyarakat Melayu membaca dan memahami isi kandungannya untuk mengetahui sejarah-sejarah penting Tanah Melayu pada abad ke-19.

Jika diteliti kritikan Abdullah Munsyi jelas menunjukkan keinginan beliau untuk pembinaan pembangunan dan corak kemajuan serta asas pemodenan yang baharu bagi masyarakat Melayu sekarang. Rata-rata responden juga bersetuju bahawa kritikan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdullah jelasnya untuk memperjelaskan aspek-aspek terpenting dalam kemajuan masyarakat Melayu yang perlu di ikuti. 90% responden mepersetujui bahawa kritikan Abdullah Munsyi yang mentafsir perilaku-perilaku masyarakat Melayu, raja dan pembesar Melayu ketika itu demi pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu sekarang supaya dapat diperbaiki demi corak kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu. Kritikan Abdullah Munsyi merupakan suatu aktiviti untuk mendorong kearah kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu sekarang, jika diteliti dan diamati seluruh



FTKW

penulisan beliau dari segi pandangan yang positif sebenarnya kritikan tersebut adalah untuk pembangunan corak kemajuan atau asas pemodenan masyarakat Melayu.

## 4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dalam bab ini telah dijelaskan dengan teperinci dapatan kajian berdasarkan kesemua instrumen kajian iaitu analisis teks dan analisis artikel-artikel yang berkaitan serta tinjauan yang dilakukan bagi menjawab objektif ketiga. Analsis juga dilakukan dengan memberikan soalan tinjauan untuk menjawab kepada objektif ke tiga dalam kajian ini. Dapatan untuk soalan tinjauan hanya memfokuskan kepada 60 orang responden meliputi pelajar elektif kesusasteraan warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

Maklumat dan data yang diperoleh dari instrumen kajian yang dijalankan, penyelidik telah berjaya membentangkan rumusan daripada dapatan kajian dengan huraian berserta contoh teks juga dapatan kajian dipaparkan menerusi jadual dan graf secara terperinci. Kupasan dapatan ini adalah menjawab persoalan kajian serta objektif kajian yang telah digariskan pada awal kajian ini. Namun, rumusan ini adalah hasil kajian yang terhad yang dijalankan ke atas teks Kisah Pelayaran Abdullah dan kelompok responden dari kalangan pelajar elektif kesusasteraan warisan Universiti Malaysia Kelantan dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik dilakukan melalui rangkaian *WhatsApps* kerana pendemik Covid-19 menyebabkan tidak dapat bertemu secara bersemuka dengan responden. Walaubagaimanapun, dapatan dari kajian ini adalah releven dan boleh digunapakai dalam kajian lanjutan yang mempunyai kaitan dan kesesuaian maklumat untuk dirujuk.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 5

# KESIMPULAN

## 5.1 PENGENALAN

Bahagian ini merupakan bahagian yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang wajar dikeutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian dan membantu pengkaji lain meneruskan kajian di masa hadapan.

## 5.2 KESIMPULAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Abdullah Munsyi mempunyai kepengarangan seorang pengarang yang bersemangat menyampaikan keaslian, kebijaksanaan dan keupayaan berfikir hasil daripada keintelektual dan kebolehan ilmu pengetahuan yang diperolehi dengan membentangkan pelbagai aspek bersama-sama idea dan pandangan yang luar biasa. Karya Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur adalah sebuah catatan peribadi beliau daripada pengalaman yang dirasai dan dilalui ketika dalam pelayaran beliau. Abdullah bin Abdul Kadir atau dikenali sebagai Abdullah Munsyi telah membuka lembaran baru dalam dunia kesusasteraan dengan menghasilkan karya yang menyimpang jauh daripada bentuk tradisi kesusasteraan. Pemikiran yang dibawa oleh Abdullah Munsyi hasil daripada pengalaman dan idea semasa pelayaran beliau ke Kelantan, Terengganu dan Pahang. Karya Kisah Pelayaran Abdullah sarat dengan seni kepengarangan yang estetik dan unggul kerana berkait rapat dengan pengalaman, perasaan, pemikiran, imaginasi dan wawasan yang di pegang oleh beliau.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rumusan kajian terhadap bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur kajian berdasarkan pandangan *Malay Centric*. Kajian telah memberikan tumpuan terhadap sudut kepengarangan Abdullah Munsyi yang menjadi subjek kritikan, kerana memiliki keistimewaan dan kehebatan dalam dunia kepengarangan sehingga beliau di kenali sebagai "Bapa Kesusasteraan Moden". Kajian dilakukan dengan telah menganalisis bentuk-bentuk kritikan yang terdapat dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur dan mengenal pasti kepengarangan Abdullah Munsyi dalam melakukan kritikan terhadap masyarakat Melayu serta mengetahui kepentingan kritikan sebagai sandaran terhadap pembangunan corak kemajuan atau asas pemodenan masyarakat Melayu.

Bentuk-bentuk kritikan dalam Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur adalah mengkritik dan menegur institusi raja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu daripada pelbagai aspek seperti keadaan fizikal negeri yang disinggahnya belau menceitakan negeri Pahang begi tu kaya dengan hasil tumbuh-tumbuhan kerana kesuburan tahan yang dimiliki negeri tersebut. Seterusnya, beliau menceritakan perwatakan masayarakat yang malas untuk bekerja dan perwatakan pemerintah yang zalim. Dalam pada itu, Abdullah juga menceritakan dengan jelas keadaan tempat tinggal masyarakat di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan yang penuh dengan kemiskinan, unsur kebersihan yang tidak dititik beratkan oleh masyarakat Melayu sehingga unsur kesihatan tidak dihiraukan dan masyarakat banyak terkena penyakit kulit. Hal ini kerana elemen persekitaran yang tidak sihat dan bersih di amalkan oleh penduduk negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, tabiat buruk dan segala kebodohan melambagkan kehidupan masyarakat ketika itu. Masyarakat Melayu yang tidak rasional mengamalkan segala larangan pemerintah walaupun ianya bersifat menindas. Abdullah juga mengkritik masyarakat Melayu yang tidak menghormati bahasa Melayu kerana tidak mahu mempelajari bahasa Melayu dan mengamalkanya. Abdullah juga mengkritik wanita yang bekerja mancari



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

pendapatan sedangkan lelaki malas bekerja. Akhri sekali, Abdullah banyak mengkritik perilaku-perilaku buruk pemimpin bangsa Melayu pada ketika itu yang tidak disenanginya kerana mengubal undang-undang bersifat menindas rakyat dan bertindak mengikut hawa nafsu serta kepentingan mereka sahaja.

Kepengarangan Abdullah Munsyi yang dikatakan bersifat terbuka dalam mengkritik dan menegur institusi beraja dan perilaku-perilaku masyarakat Melayu daripada pelbagai aspek sosial, politik dan ekomoni serta pengaruh colonial yang meresap dalam diri beliau dan melakukan kritkan-kritikan tersebut. Dapatan kajian mendapati kepengarangan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdulllah ke Timur mengkritik secara halus adalah untuk pembangunan kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu. Abdullah Munsyi merupakan pengarang yang berani, jujur dan berhikmah dalam menzahirkan perasaan, pandangan dan kritikanya terhadap sesuatu perkara yang diamatinya secara kreatif dan halus. Kepengarangan Abdullah Munsyi dalam karya Kisah Pelayaran Abdullah ke Timur telah membuktikan pemikiran beliau dalam menghasilkan kritikan-kritikan berdasarkan pengalaman beliau semasa berlayar ke Kelantan, Terengganu dan Pahang atas kerana keprihatinan beliau terhadap kemajuan masyarakat Melayu. Aspek kritikan terhadap masyarakat Melayu telah mempengaruhi dunia kepengarangan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdullah kerana pengaruh kolonial yang diterima beliau daripada kemajuan Barat.

Kepengarangan Abdullah Munsyi secara terperincinya mempunyai mesej dan tujuan penciptaan untuk disampaikan kepada masyarakat Melayu ketika itu. Beliau sangat jujur dalam penulisannya kerana tidak menyorokkan sisi-sisi gelap masyarakat Melayu pada zaman itu. Kepengarangan beliau jelas sekali disebabkan pengaruh latar belakang, suasana



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

persekitarannya dan pemikiran beliau jelas mengandungi kronologi dari sudut sejarah yang menyingkap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pada abad ke-19. Kepengarangan dan pemikiran Abdullah Munsyi dilihat apabila beliau begitu beraninya mengkritik dengan pedas dan tajam berkaitan degan perihal-perihal kehidupan raja- raja Melayu, golongan pembesar Melayu dan masyarakat Melayu. Penulisan Abdullah Munsyi secara jujurnya adalah satu bentuk yang dilakukan untuk kesedaran bangsa agar lebih berilmu dan sentiasa mengejar kemajuan yang sedia ada. Rentetan daripada itu, jika diselami isi penceritaan yang cuba disampaikan oleh Abdullah Munsyi jelas menunjukkan penulisan beliau untuk pembangunan corak kemajuan atau asas pemodenan masyarakat Melayu

Dengan itu, Abdullah Munsyi merupakan seorang travelog dan seorang wartawan yang menulis setiap perkara yang berlaku disekelilingnya dengan pedas dan tajam. Beliau sangat jujur dalam penulisannya kerana tidak menyorokkan sisi-sisi gelap masyarakat Melayu pada zaman itu. Kisah Pelayaran Abdullah terbit rentetan daripada pengalaman dan latar belakang kepengarangan yang merentasi kehidupan pengarang Abdullah Munsyi. Kepengarangan Abdullah Munsyi yang dikatakan bersifat lantang dalam mengkritik untuk mendorong masyarakat Melayu kearah kemajuan dan pembangunan seperti orang Barat, jika diteliti dan diamati seluruh penulisan beliau dari segi pandangan yang positif sebenarnya kritikan tersebut adalah untuk pembangunan corak kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu.

Jelas menunjukkan bahawa Abdullah Munsyi berjasa kepada bidang kesusasteraan kerana segala jasa dan seumbangan beliau dalam merekodkan segala perisntiwa penting yang berlaku dengan begit cermat dan terperinci berkaitan dengan perihal kehidupan masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu ketika itu sebagai satu pensejarahan yang penting. Setiap



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

lontaran kata-kata beliau haruslah direnungi dan mengenal kepentingan kritikan yang dilakukan setelah mengamati karya-karya beliau. Karya Kisah Pelayaran Abdullah sarat dengan penuh pedoman untuk masyarakat sebagai ikhtibar dan kepentingan ilmu pengetahuan supaya martabat bangsa Melayu di angkat di persada dunia. Akhir sekali, sumbangan kritikan-kritikan Abdullah Munsyi dalam Kisah Pelayaran Abdullah merupakan sumber rujukan sejarah dalam pembinaan kemajuan bagi sesebuah bangsa untuk lebih berjaya pada masa akan datang.

**5.3 IMPLIKASI KAJIAN**

Penerapan kepengarangan Abdullah Munsyi dalam kajian bentuk-bentuk kritikan berdasarkan Kisah Pelayaran Abdullah kajian dilakukan berdasarkan pandangan *Malay centric* amat penting dalam melihat bentuk-bentuk kritikan yang disampaikan beliau sama ada dari sudut positif ataupun negatif. Kajian ini dilakukan demi kesinambungan generasi masa hadapan supaya proses pembinaan sesuatu bangsa dapat dijadikan iktibar daripada kepengarangan beliau dalam karya Kisah Pelayaran Abdullah. Dapatan kajian telah mengenal pasti pelbagai bentuk kritikan Abdullah Munsyi telah digunakan oleh beliau untuk kesedaran dan kemajuan masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian hasil kajian ini dapat menyumbang kepada implikasi pelbagai pihak khususnya bidang kesusasteraan.

Implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan Abdullah Munsyi dalam menyampaikan kritikan yang bersifat terbuka terperinci berkaitan dengan perihal kehidupan masyarakat Melayu dan institusi raja Melayu ketika itu sebagai satu pensejarahan yang penting untuk dinilai. Selain itu, kajian ini dapat membantu pengkaji dan penyelidik untuk memilih karya yang benar-benar terbaik sebagai



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

proses kepengarangan yang dapat mendorong mempertingkatkan mutu penulisan sehingga mencapai tahap yang unggul.

Seterusnya, implikasi kajian ini adalah penting untuk pengarang kesusasteraan mengetahui sejauh mana pengaruh dalam bahan bacaan sastera terhadap kajian kritikan. Kepengarangan yang berusnurkan kritikan demi pembangunan sesuatu tamadun perlu diberikan perhatian. Selain dapat memberi gambaran perihal kehidupan masyarakat Melayu dan sistem pemerintahan pada abad ke-19 kepada khalayak. Malah kepengarangan Abdullah Munsyi dalam bidang kesusasteraan penting untuk diterokai terlebih dahulu supaya kepentingan dalam menghasilkan sesebuah karya sastera yang bermutu dalam memdidik, menegur, menasihati dan memberi pandangan yang khusus khas untuk kemajuan bersama dapat dinilai oleh khalayak apabila kepengarangan dapat dihasilkan dengan mengutamakan kritikan terhadap pembangunan masyarakat.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 5.4 CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji ingin mencadangkan beberapa cadangan yang boleh dijadikan sebagai panduan atau tindakan seterusnya bagi menyuburkan perkembangan dalam dunia kepengarangan kesusasteraan yang unggul.

Kajian ini merupakan satu kajian mengkaji sudut kepengarangan Abdullah Munsyi yang unggul dalam dunia kesusasteraan. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak aspek yang belum diterokai oleh pengkaji tentang dunia kritikan Abdullah Munsyi. Oleh itu, pengkaji mencadanganknan supaya penyelidik seterusnya dapat melakukan kajian lanjutan dalam bidang kajian ini. Kajian ini sejujur bersifat umum, oleh hal yang demikian pengkaji mencadangkan agar penyelidik seterusnya membuat satu kajian yang khusus untuk melihat dengan lebih jelas sudut pengaruh kepada kepengarangan Abdullah Munsyi dalam menyampaikan pelbagai bentuk kepada institusi raja Melayu dan masyarakat Melayu. Seterusnya, jumlah bilangan responden juga boleh ditambah bagi mengetahui dengan lebih jelas berkenaan kritikan sebagai sandaran corak kemajuan dan pemodenan masyarakat Melayu.

Seterusnya, cadangan juga ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka serta badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam memertabatkan bidang penulisan autobiografi dan memelihara naskah karya Abdullah Munsyi supaya dapat menyediakan sebuah platform yang boleh menyalurkan maklumat berkaitan dengan keunggulan kepengarangan Abdullah Munyi dalam melontarkan kritikan kepada generasi akan datang. Hal ini kerana pendedahan ini dapat meningkatkat ilmu pengetahuan dan memperluaskan skop pembelajaran bidang kesusasteraan dan kepribadian Abdullah Munsyi supaya tidak ditenggelam zaman. Selain itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga digalakkan agar sentiasa menganjurkan pertandingan-

pertandingan merekacipta sebuah kepengarangan mengenai autobiografi seperti penulisan yang dihasilkan oleh tokoh Abdullah Munsyi melalui karya-karya beliau naskah-naskah Abdullah Munsyi terus dipelihara dan dipulihara.

Oleh itu, kesemua cadangan di atas adalah berkaitan dengan kepengarangan dan bentuk-bentuk kritikan Abdullah Munsyi untuk mempertingkatkan kualiti dalam penghasilan sesebuah karya yang bersifat catatan dan autobiografi. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap agar kajian berunsurkan kepengarangan Abdullah Munsyi yang melihat sudut kritikan beliau mampu menambahkan dan membantu khazanah ilmu khususnya di Universiti Malaysia Kelantan serta karya yang berbentuk autobiografi dihasilkan dengan lebih berkualiti dan sarat dengan pamparan nilai budaya dan pengetahuan kepada masyarakat dan negara. Diharapkan hasil kajian ini dapat membuktikan kepentingan karya-karya Abdullah Munsyi dalam pembentukkan identiti masyarakat Melayu.

**5.5 KESIMPULAN**

Diharapkan kajian ini mampu memberikan pengetahuan yang baru dan manfaat kepada individu mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan dengan kesusasteraan khususnya kajian berkaitan dengan kepengarangan dan bentuk-bentuk kritikan Abdullah Munsyi khasnya. Aspek kepengarangan yang bersifat terbuka seringkali tidak diberi perhatian oleh kebanyakkan kajian hingga ianya tidak dilihat sebagai satu daripada permasalahan dalam kajian. Disebabkan itu, apabila kepengarangan Abdullah Munsyi dianalisis dan dikritik maka ianya dapat ditafsirkan dengan lebih tepat dan mesej dalam penyampaiannya dapat disingkap dengan lebih jelas sebagai panduan pada masa hadapan.



FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**RUJUKAN**


Abdul Mutalib Embong Dan Ahmad Murad Merican. (2013). *Abdullah Munsyi - A Modern Malay Intellectual Of New Century | Embong | Proceedings Of AICS - Social Sciences*. Jurnal Unsyiah. https://jurnal.unsyiah.ac.id/AICS-Social/article/view/5960

Abi Dapit. (2020). *Resistensi Dalam Novel Hulubalang Raja Karya Nur Sutan Iskandar: Kajian Poskolonial | Dapit | Jurnal Salaka: Jurnal Bahasa, Sastra, Dan Budaya Indonesia*. E-JOURNAL | Universitas Pakuan. https://journal.unpak.ac.id/index.php/salaka/article/view/2485

Achmad Junaidi. (2020). *Permainan Alat Musik Viul Dalam Kesenian Krinok Di Muaro Bungo Provinsi Jambi Ditinjau Dari Teori Poskolonial | Junaidi | Melayu arts and performance journal*. Journal Online ISI Padangpanjang. https://journal.isi-padangpanjang.ac.id/index.php/MAPJ/article/view/1348

Ahmad Murad Merican. (2006). *Telling Tales, Print And The Extension Of Media: Malay Media Studies Beginning With Abdullah Munsyi Through Syed Shaykh Al-Hady And Mahathir Mohamad*. https://web.usm.my/km/24-06/KM%20ART%208.pdf

Ahmad Murad Merican. (2011). *Occidentalism in the Malay world: The west through the eyes of Abdullah Munshi*. MALAY LITERATURE. https://jurnal.dbp.my/index.php/MalayLiterature/article/view/539

Ariff Bin Mohamad. (2016). *Makna siratan dalam novel politik Melayu terpilih: Analisis berdasarkan gagasan kritikan Melayu*. UM Students' Repository. https://studentsrepo.um.edu.my/7033/

Amnah Saayah Binti Ismail. (2014). *Islam: Past, present and future: Perspektif Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19: Analisis Terhadap Pemikiran Abdullah Munshi Melalui Karya "Kisah Pelayaran Abdullah"*. CiteSeerX. https://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/summary?doi=10.1.1.464.8218

Andi Chandra Jaya. (2018). *Konsep nation-state dalam Pemikiran Ideologi Politik Melayu Islam Pada Abad Ke-19 M (Studi Pemikiran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1787-1854)) | Jaya | Jurnal tapis: Jurnal Teropong Aspirasi Politik Islam*. Open Journal Systems UIN Raden Intan Lampung. https://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/TAPIs/article/view/3684

Awla Akbar Ilma. (2016). *(PDF) Representasi Penindasan Ganda dalam novel Mirah Dari Banda; Perspektif Feminisme Poskolonial*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/309957091_Representasi_Penindasan_Ganda_dalam_Novel_Mirah_Dari_Banda_Perspektif_Feminisme_Poskolonial

Azhar Hj.Wahid dan Abdul Ghani Hj.Abu. (2015). *Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodenisme*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/70




FTKW

FTKW

Bambang Aris Kartika. (2011). *Eksploitasi concubinage Dan Subjek subaltern: Hegemoni atas Perempuan Indonesia dalam Tinjauan Kritis Pascakolonial Dan Feminisme novel de Winst Karya Afifah Afra | Kartika | Atavisme*. ATAVISME. https://atavisme.kemdikbud.go.id/index.php/atavisme/article/view/102

Daratullaila Nasri. (2016). *Ambivalensi Kehidupan Tokoh Larasati Dalam Roman Larasati Karya Pramoedya Ananta Toer: Kajian Pascakolonialisme*. Neliti. https://media.neliti.com/media/publications/235800-ambivalensi-kehidupan-tokoh-larasati-dal-be609384.pdf

Ding Choo Ming. (2013). *Munsyi Abdullah Siapakah Abdullah Munshi: Pemikir, Pejuang Bahasa Melayu, Bapa Sastera Melayu Baru Atau…*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/36122742

Fauzi bin Hasan. (2019). *Kritikan Sosial Dalam Novel-novel Terpilih Karya Faisal Tehrani*. Welcome to Repository@USM - USM Research and Publication. https://eprints.usm.my/39282/1/ART_19.pdf

Ghazali Bin Din. (2016). *Holdings: Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif teksnaluri*. Search Home. https://www.malrep.uum.edu.my/rep/Record/oai:ir.upsi.edu.my:3018

Ghazali Din, Abdul Halim Ali & Mohd. Azam Sulong (2015). *Konsep komunikasi Dan kepengarangan Muhammad Haji salleh berasaskan model teksnaluri*. RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu. https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/82

Ghazali Din. (2020). *Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu*. RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu. https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5

Gina Novtarianggi. (2020). *Hibriditas, Mimikri, Dan Ambivalensi Dalam Novel "Kirti Njunjung Drajat" Karya R.Tg Jasawidagda Kajian Postkolonialisme | Novtarianggi | Jisabda: Jurnal Ilmiah Sastra Dan Bahasa Daerah, Serta Pengajarannya*. Journal Universitas PGRI Semarang. https://journal.upgris.ac.id/index.php/jisabda/article/view/6220

Hashim Awang. (1988). *Kritikan kesusasteraan: Teori Dan penulisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia

Hamdan Aziz. (2014). *Kritikan Abdullah Munsyi terhadap sosioekonomi penduduk Terengganu melalui autobiografi "Hikayat Pelayaran Abdullah Dari Singapura sampai Ke Kelantan"*. Welcome to Universiti Utara Malaysia Institutional Repository [UUM Repository] - UUM Repository. https://repo.uum.edu.my/14529/

Indirawati Zahid. (2019). *Strategi Berekod Berterus Terang dalam Kritikan*. eJournal UPSI. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/2203

Jan van der Putten. (2016). *Menyingkap Tempurung orang Melayu: Sejarah Melayu, Buku Teks Dan Abdullah Munsyi*. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4480

Kassim Ahmad. (1981) *Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Kisah Pelayaran Abdullah. Siri Kajian Sastera Fajar Bakti. Fajar Bakti Sdn. Bhd*

Mana Sikana. (2013). *Arah Perjalanan Teori dan Kritikan Sastera Malaysia dalam Era Globalisasi*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu. https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/102

Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff. (2020). *Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah | Md Yusoff | Jurnal Melayu*. UKM e-Journal System. https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/39101

Mohamad Rosmizi Mahamad. (2020). *Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan*. eJournal UPSI. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/2943

Mohd Alif Bin Sapri. (2019). *Pandangan & Kritikan Abdullah Munsyi Terhadap Orang Melayu*. Karya Agung Melayu (Laman Karya Agung). https://karyaagungmelayukumpulanc2014.blogspot.com/p/p.html

Mohd Adi Amzar Bin Muhammad Nawawi. (2016). *(PDF) Pendekatan Islam dalam Kritikan Sastera: Satu Tinjauan Literatur*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/305208655_Pendekatan_Islam_dalam_Kritikan_Sastera_Satu_Tinjauan_Literatur

M.Yoesoef. (2010). *Nilai-nilai Ideologi Dan Sikap Kepengarangan: Sebuah Kajian atas Sastra drama Karya N. Riantiarno1*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/3449749/Nilai_nilai_Ideologi_dan_Sikap_Kepengarangan_Sebuah_Kajian_atas_Sastra_Drama_Karya_N_Riantiarno1?auto=download

Marina Munira Abdul Mutalib. (2012). *EImtiyaz: The contribution of Abdullah Munsyi in Malay literary works*. eImtiyaz. https://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9913

Mawar Safei. (2013). *(PDF) Abdullah bin Abdul Kadir susuk tumpu Hadijah Rahmat dalam kesusasteraan Melayu*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/339616619_Abdullah_bin_Abdul_Kadir_susuk_tumpu_Hadijah_Rahmat_dalam_kesusasteraan_Melayu

Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (2021). *Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A write award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna)*. International Online Journal of Language, Communication, and Humanities. https://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/126

Noordin Mohd Noor. (2018). *Karya-Karya Autobiografi dan Travelog Abdullah Munsyi: Satu Kajian Rundingan Identiti*. Welcome to Repository@USM - USM Research and Publication. https://eprints.usm.my/43707/



FTKW

FTKW

Naim Abd Aziz. (2019). *Kajian Kepengarangan Dalam karya-karya Faisal Tehrani: Suara Untuk Suara Yang Tidak Bersuara*. Academia.edu - Share research. https://www.academia.edu/42293636/Kajian_Kepengarangan_Dalam_Karya-Karya_Faisal_Tehrani_Suara_Untuk_Suara_Yang_Tidak_Bersuara

Norazimah Zakaria. (2020). *Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional dan Peranan Penceritaan*. EJOURNAL. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25688

Nordiana Hamzah et al. (2020). *(PDF) Kritikan pemimpin melayu dalam novel patriarch*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/346003215_Kritikan_Pemimpin_Melayu_Dalam_Novel_Patriarch

Norhaili Massari. (2019). *The Malays: A Retrospective Examination On Identity Through Selected Writings By Munshi Abdullah, Za'ba, Syed Hussein Alatas And Mahathir Mohamad*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development. https://www.jised.com/PDF/JISED-2019-19-03-17.pdf

Nur Farhana Abdul Rahman. (2018). *Autoriti agama Di Malaysia: Kedudukan Dan kritikan - UKM journal article repository*. - UKM Journal Article Repository. https://journalarticle.ukm.my/12618/

Nurul Husna Mat Nor. (2020). *Keberanian Dan Proses Kreatif Dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi Novel Empangan Tugal*. International Journal of Humanities, Philosophy and Language. https://www.ijhpl.com/PDF/IJHPL-2020-11-09-02.pdf

Putri Maharani. (2020). *Hibriditas Dan Ambibelansi Dalam Kumpulan Cerpen Semua Untuk Hindia Dan Teh Dan Pengkhianat Karya Iksaka Banu: Kajian Sastra Postkolonialisme Dan Implikasi Dalam Pembelajaran Sastra*. Welcome to Sriwijaya University Repository - Sriwijaya University Repository. https://repository.unsri.ac.id/40485/

Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2016). *(PDF) Warisan Kelantan dalam Kisah Pelayaran Abdullah*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/305284638_Warisan_Kelantan_dalam_kisah_pelayaran_Abdullah

Rusdian Noor Dermawan. (2017). *Mimikri Dan Resistensi Pribumi Terhadap Kolonialisme Dalam Novel Jejak Langkah Karya Pramoedya Ananta Toer: Tinjauan Poskolonial | Dermawan | Caraka*. Journal Universitas Sarjanawiyata Tamansiswa. https://jurnal.ustjogja.ac.id/index.php/caraka/article/view/2165

Syed Ismail Syed Mustapa & Meor Aris Meor Hamzah. (2016). *Pensejarahan Malaysia*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd

Shokeri Hassan. (2003). *Perkembangan Teori Dan Pendekatan Kritikan Dalam Kesusasteraan Melayu Dekad 80-An - 90-An - CORE reader*. CORE – Aggregating the world's open access research papers. https://core.ac.uk/reader/43000330

Sahlan Mohd. Saman. (2008). *Pengkaedahan Melayu-Islam dalam kritikan sastera - UKM journal article repository*. - UKM Journal Article Repository. https://journalarticle.ukm.my/2994/

Tirto Suwondo. (2014). *Kajian Wacana Sastra Pascakolonial Dan Pembangunan Karakter Bangsa | Suwondo | Jentera: Jurnal Kajian Sastra*. Jurnal-el Badan Bahasa. https://ojs.badanbahasa.kemdikbud.go.id/jurnal/index.php/jentera/article/view/440

Wahid Khoirul Ikhwan. (2018). *Analisis Poskolonial Dalam Puisi "Kesaksian Akhir Abad" Karya Ws Rendra*. Core – Aggregating the world's open access research papers. https://core.ac.uk/download/pdf/267087153.pdf

Yacub Fahmilda. (2021). *(PDF) Kajian Sastra Perjalanan Dalam Hikayat Kisah Pelayaran Abdullah Ke Mekah Karya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (Traveling literary studies in Hikayat of "Sailing story of Abdullah to Meccah" by Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi)*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/352101994_Kajian_Sastra_Perjalanan_Dalam_Hikayat_Kisah_Pelayaran_Abdullah_Ke_Mekah_Karya_Abdullah_Bin_Abdul_Kadir_Munsyi_Traveling_Literary_Studies_in_Hikayat_of_Sailing_Story_of_Abdullah_to_Meccah_by_Abdullah_

Zubir Idris. (2017). *Etnosentrisme: Kepengarangan Dalam Syair Perang Melayu Nusantara*. MyJurnal - Citation and Infometrics Division. https://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=139848

FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# LAMPIRAN



BENTUK-BENTUK KRITIKAN DALAM HIKAYAT PELAYARAN ABDULLAH KE TIMUR: KAJ

Soalan Jawapan 60 tetapan

60 jawapan

Tidak menerima respons

**Mesej untuk responden**

Borang ini tidak lagi menerima respons

Ringkasan soalan individu

Nama

60 jawapan

Siti Noor Asyikin

Amelia

HADIRAH BINTI MUHAMAD RASID

Muhammad Zakin Haziq

Liana

nurilisha binti mohammad ali

WAN NABILA

MOHAMAD HISYAM BIN MOHAMMAD

TUAN SYUHADA



FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jantina

60 jawapan




Umur

60 jawapan




Bangsa

60 jawapan






FTKW UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Adakah anda merupakan pelajar elektif Kesusasteraan Warisan dan mengetahui mengenai Hikayat Pelayaran Abdullah Munsyi Ke Timur ?

60 jawapan




HIKAYAT PELAYARAN ABDULAH KE TIMUR

**KARYA HIKAYAT PELAYARAN ABDULAH KE TIMUR**

OBJEKTIF: KEPENTINGAN KRITIKAN SEBAGAI SANDARAN TERHADAP PEMBANGUNAN CORAK KEMAJUAN ATAU ASAS PEMODENAN MASYARAKAT MELAYU.

1. Kritikan Abdullah Musyi berperanan untuk pembangunan corak kemajuan masyarakat Melayu.

60 jawapan






FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2. Kritikan Abdullah Munsyi untuk kesejahteraan masyarakat Melayu sekarang.

60 jawapan




3. Kritikan Abdullah Musnyi mampu membina masyarakat melayu yang maju dan moden.

60 jawapan




FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4. Kritikan Abdullah Munsyi untuk mencetuskan pemikiran baharu mengenai masyarakat Melayu.

60 jawapan




5. Kritikan Abdullah Munsyi untuk membolehkan masyarakat Melayu membaca dan memahami kandungannya.

60 jawapan



6. Kritikan Abdullah Munsyi untuk pembinaan pembangunan dan corak kemajuan serta asas pemodenan yang baharu bagi masyarakat Melayu sekarang.

60 jawapan




7. Kritikan Abdullah Munsyi untuk memperjelaskan aspek-aspek terpenting dalam kemajuan masyarakat Melayu.

60 jawapan



8. Kritikan Abdullah Munsyi untuk mentafsir masyarakat Melayu dahulu demi pembangunan dan kemajuan masyarakat Melayu sekarang.

60 jawapan




9. Kritikan Abdullah Munsyi untuk memperbaiki corak kemajuan masyarakat Melayu pada ketika itu.

60 jawapan



10. Kritikan Abdullah Munsyi merupakan suatu aktiviti untuk mendorong kearah kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu sekarang.

60 jawapan




FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

**Appendiks C**

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR MUTAKHIR**

Kepada,

Dekan,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

**Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir**

Saya, Nurul Athifah Binti Ramli No. Matrik C18A0348 menyerahkan dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk: Bentuk-Bentuk Kritikan Dalam Kisah Pelayaran Abdullah Ke Timur: Kajian Berdasarkan Pandangan *Malay Centric*

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian, terima kasih

........................................................

Tarikh : 12 Februari 2022

..................................................................................................................

**Perakuan Penyelia**

Saya, AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakukan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.

AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI
PENSYARAH
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

........................................................

Tarikh: 26 Februari 2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN